

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*  
**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*  
**MESYUARAT PERTAMA**  
*First Meeting*

---

**Jilid III**

**Bil. 7**

**Hari Khamis**

**22 Mei 1997**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**USUL:**

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong.

- *Y.B. Puan Kamalia binti Ibrahim*

(Ruangan 47)

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEMBILAN  
Mesyuarat Pertama  
Penggal Yang Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., (Johor) P.P.N.
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab  
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat  
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

### ***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 22hb. Mei, 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**ASTRO - BILANGAN PELANGGAN**

- 1. Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Penerangan menyatakan:-
  - (a) berapa ramaikah rakyat yang sudah mendapat perkhidmatan penyiaran Astro dan Mega TV. Sudahkah kerajaan berpuashati dengan penyiaran Astro dan Mega TV selaku sumber maklumat dalam zaman Teknologi Maklumat (IT); dan
  - (b) bilakah masa yang sesuai pihak kerajaan bercadang mengkaji semula kadar bayaran bulanan bagi Astro dan Mega TV.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji**

**Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pelanggan perkhidmatan penyiaran Astro dianggarkan seramai 30,000, manakala Mega TV pula dianggarkan seramai 100,000. Pada zaman ledakan Teknologi Maklumat sekarang, stesen penyiaran seperti Astro dan Mega TV hendaklah memperbaiki lagi mutu perkhidmatan selaku sumber maklumat kepada masyarakat. Dalam kancah negara melangkah ke era MSC stesen penyiaran harus mengambil langkah proaktif supaya dapat bergerak seiring dengan arus pemodenan industri tersebut.

- (b) Buat masa sekarang, kerajaan belum bercadang mengkaji semula kadar bayaran bulanan bagi perkhidmatan penyiaran Astro dan Mega TV. Kerajaan berpendapat bayaran bulanan yang ada sekarang iaitu RM80 sebulan bagi Astro dan RM45 sebulan bagi Mega TV adalah berpatutan dengan perkhidmatan yang diberikan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengambil langkah mengkaji semula kadar bayaran tersebut dari masa ke semasa apabila difikirkan perlu.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian mempunyai garis panduan dan jika ada apakah dia garis panduan yang ada untuk memastikan bahawa Astro dan Mega TV boleh memberi perkhidmatan penyiaran sebagai satu sumber maklumat ke arah zaman teknologi.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan pada awal minggu ini dalam jawapan yang telah dikemukakan, saya nyatakan bahawa Kementerian Penerangan bersama Kementerian Dalam Negeri dalam usaha untuk menggubal satu garis panduan yang terperinci bagi panduan kepada pihak Astro dan Mega TV, walaupun pada awalnya kita mempunyai satu garis panduan tertentu, tetapi itu adalah sesuai bagi TV seperti RTM - TV1, TV2 dan TV3. Manakala Astro dan Mega TV iaitu lain daripada terrestrial mempunyai konsep pancaran melalui satelit agak berlainan sedikit di mana para pelanggan boleh menentukan keadaannya.

Kerajaan menerusi Kementerian Penerangan dan Kementerian Dalam Negeri kena mengkaji satu garis panduan yang terperinci dan perkara-perkara yang dibangkitkan kelak saya rasa tidak perlu untuk saya kemukakan pada hari ini, bila waktunya sampai kita akan nyatakan garis-garis panduan faktor-faktor yang terlibat seperti maklumat

tertentu yang harus diketengahkan kepada masyarakat untuk melahirkan masyarakat yang bermaklumat.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, dapatkah kerajaan menyatakan pihak yang mempunyai kepentingan dalam syarikat yang mengendalikan Astro dan Mega TV dan sejauh manakah kerajaan dapat mengkaji kesan-kesan baik secara positif mahupun negatif terhadap penyiaran melalui siaran swasta ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini soalan spesifik walaupun saya tahu sendiri siapa punya milik Astro dan Mega TV, tetapi untuk memberi jawapan yang tepat saya akan memberi jawapan secara bertulis tentang pengusaha yang mempunyai stake, dengan izin, ataupun shareholder dalam Astro dan Mega TV.

Seperti yang saya nyatakan tadi, sememangnya Kementerian memberi perhatian yang berat tentang perjalanan Astro dan Mega TV, sehingga pada saat ini pun Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan sentiasa berhubung rapat dengan pihak pengendali kedua-dua Astro dan Mega TV untuk memastikan agar mereka dapat menjalankan usaha mereka menyampaikan maklumat dan juga pengajaran kepada masyarakat.

## **BROKERAGE SAHAM - CADANGAN MENGURANGKAN**

2. **Dato' Eng Hoi Choo** minta Menteri Kewangan menyatakan sekiranya Kementerian Kewangan mempunyai rancangan untuk mengurangkan 'brokerage' saham dalam urusan jual-beli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jika ya, apakah paras brokerage yang difikirkan sesuai dan bilakah ia akan dilaksanakan oleh pihak berkenaan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mengurangkan brokerage saham kerana paras komisen yang dikenakan ke atas urusan jual beli saham di BSKL merupakan satu



elemen penting dalam menentukan daya persaingan BSKL dengan bursa-bursa saham lain di rantau ini kerana ia merangkumi sebahagian daripada kos pelaburan.

Dengan itu adalah wajar sekiranya isu paras komisen diambil kira dalam perancangan jangka panjang untuk membangunkan sesuatu pasaran modal demi meningkatkan daya persaingannya.

**Dato' Eng Hoi Choo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah brokerage kita ini kalau dibandingkan dengan negara Hong Kong, Jepun dan Amerika Syarikat adakah ia lebih tinggi atau lebih rendah. Kalau lebih tinggi kenapa kita tidak mahu mempertimbangkan menandakan brokerage ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati buat masa ini pembeli saham adalah seolah-olah hak keistimewaan kepada penduduk-penduduk bandar-bandar besar sahaja dan bagi penduduk-penduduk di luar bandar tidak bernasib baik kerana mereka terpaksa pergi berpuluh-puluh batu sampai ke bandar besar untuk membeli saham kerana tempat yang mereka duduk tidak ada broker house.

Adakah kerajaan mempertimbangkan membeli lesen untuk broker house untuk di'operate' di bandar-bandar yang agak besar, yang ada pasaran saham supaya penduduk-penduduk di luar bandar dapat membeli saham dengan senangnya.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Persatuan Broker Saham Malaysia yang mengatakan kadar komisen 1% yang ditetapkan semenjak 1hb. Julai 1995 adalah antara yang paling rendah sekali di dunia. Kalau berbanding dengan Hong Kong iaitu 0.25% daripada nilai transaksi dengan sistem penyelesaian T+2 dan manakala Singapura adalah antara 0.5% dengan 1% daripada nilai kontrak, dengan sistem penyelesaian 3T+5 maka Malaysia dengan adanya sistem penyelesaian antara iaitu T+7 dan komisen yang dikenakan ialah antara 0.5% hingga 1%.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang faham tentang apakah kesan atas pasaran saham ini, di antara perkara yang diambil kira iaitu sama ada risiko yang terdapat dalam jual beli saham itu atau faktor yang kedua itu, sama ada dengan adanya dapat kita memperkecilkan pendedahan para pelabur dalam pelaburannya dalam saham dan juga sama ada dengan adanya satu sistem komisen ataupun campur dengan sistem penyelesaian masa itu, sama ada dapat kita mewujudkan satu keadaan di mana terdapat kecairan pasaran dan ini adalah antara sebab-sebab yang diambil kira semasa kita menentukan masa untuk kita menyelesaikan.

Kerajaan juga telah memutuskan iaitu mulai daripada 1hb. Ogos tahun ini kerajaan telah memutuskan untuk memendekkan masa penyelesaian iaitu daripada T+7 hingga T+5.

Mengenai sama ada penduduk-penduduk di luar bandar menghadapi masalah untuk membeli saham, saya rasa ini adalah satu pandangan yang tidak begitu tepat sekali oleh kerana masih terdapat bank-bank yang memberi layanan supaya penduduk-penduduk ataupun para pelabur dari luar bandar itu dapat membeli saham melalui bank-bank tertentu.

Untuk mewujudkan ataupun memberi lesen kepada stock broking house, ini mungkin perlu diambil kira sama ada ini menjadi ekonomik ataupun tidak kerana kalau dibuka stock broking house di tempat-tempat yang kecil di mana urusniaganya tidak munasabah untuk mengatasi perbelanjaannya dan sebaliknya kalau tidak mendatangkan sebarang faedah mungkin akan mengakibatkan kerugian yang besar.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah, kita sekarang ini dalam keadaan sungguh runsing berkenaan dengan pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur ini. Dahulu pihak Bank Negara membuat pengumuman bahawa bank-bank apabila sudah lebih daripada 20% janganlah beri pinjam lagi untuk hartanah dan juga untuk membeli saham. Ini telah pun menjejaskan pembelian saham, sebab itu banyak yang turun. Sekarang ini nampaknya baru mula hendak pulih pula.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga diberitahu T7 ke T5 pula - hendak dipendekkan lagi. Saya rasa ini akan menjejaskan lagi Bursa Saham Kuala Lumpur dan ekonomi kita akan terjejas lagi. Adakah kerajaan bercadang tidak payah T7, T5, T3 bayar hari itu juga supaya saham kita betul-betul jatuh sampai ke tingkat yang habis rendah baru kita boleh beli balik semula. Saya tidak tahu mengapa keadaan boleh jadi begini, jadi pihak kerajaan tolonglah memberi penerangan sedikit.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada masa penyelesaian untuk T+1, T+2, T+5 atau T+7 adalah bergantung kepada satu-satu bursa saham. Ini merupakan satu polisi yang digunakan. Bagi Hong Kong digunakan T+2 oleh kerana difikirkan suasana di Hong Kong itu adalah lebih munasabah untuk polisi seperti ini diwujudkan. Manakala untuk kita, oleh kerana kita mempunyai satu bursa saham yang baru dan perlu perhatian daripada pihak kerajaan dan swasta untuk kita mewujudkan satu-satu pasaran yang baik dan mempunyai daya persaingan yang kuat dengan bursa saham di rantau ini. Segala polisi ataupun sistem yang digunakan itu adalah dari segi kepentingan pihak Malaysia dan masyarakat tempatan. Jadi, bolehlah kita katakan kerajaan memberi perhatian yang secukup-cukupnya untuk mewujudkan satu sistem yang baik.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin itu adalah diambil kira dan saya mengucapkan terima kasih.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang saya faham, apabila kita melabur di dalam saham, bererti kita melibatkan diri dalam perniagaan sesuatu badan korporat yang tertentu. Dalam masa yang sama ekonomi negara kita makin hari semakin maju dan keadaannya begitu menggalakkan, tetapi apa yang kita hairan, kenapakah saham di Bursa Saham Kuala

Lumpur di sektor-sektor korporat dalam negeri, harga saham tidak dapat di'predict', dengan izin, dan harga saham sentiasa turun naik seperti tempat perjudian (gamble). Jadi, saya sebenarnya hendak bertanya dari segi hukum, tetapi saya rasa Timbalan Menteri mungkin tidak dapat hendak menjawab sama ada saham ini haram ataupun tidak. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah ada unsur-unsur di luar kawalan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur ini yang menyebabkan harga saham dan juga urusanniaga dalam saham ini seolah-olah nampak seperti satu perjudian?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam bursa saham ini memang mempunyai fundamental-fundamental yang asas sekali yang dapat dikawal oleh kerajaan, dalam usahanya dari segi KDNK, dari segi inflasi dan juga dari segi nilai mata wang dengan satu kadar tertentu. Jadi, dengan adanya fundamental-fundamental seperti ini yang banyak memberi pengaruh kepada keadaan ekonomi sesuatu negara dari segi mikro. Manakala dari segi sama ada saham itu adakah dikawal oleh unsur-unsur seperti ini - memang begitu, tetapi oleh kerana ada juga unsur spekulasi. Unsur spekulasi ini memang di luar kawalan daripada pihak kerajaan, oleh kerana apakah yang berlaku di dalam dunia dan reaksi atau tindak balas daripada pelabur itu adalah berlainan, ada yang sangat sensitif, peka kepada nilai mata wang, ada yang sangat sensitif dengan pihak tertentu dari segi politik dan juga mungkin ada skandal-skandal tertentu dan sebagainya. Ini adalah di luar kawalan kerajaan dan ini juga merupakan satu unsur yang penting dalam penentuan kegiatan satu-satu bursa saham itu.

### **COACH MAKANAN DI ATAS KERETAPI TANAH MELAYU - TAHAP PERKHIDMATAN**

**3. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Pengangkutan memberi penjelasan di atas tahap perkhidmatan Coach Makanan di atas Keretapi Tanah Melayu. Adakah KTM benar-benar memastikan bahawa penumpang-penumpang mendapat layanan dan bekalan secukupnya dan yang penting adakah KTM berusaha dan

mengawalselia bahawa kebersihan di coach tersebut sentiasa terjamin dan penyediaan makanan perlulah sentiasa bersih dan bermutu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:**

Tuan Yang di-Pertua, bekalan makanan yang disediakan oleh KTMB di atas train-train penumpang adalah mencukupi. Makanan tersebut dibekalkan mengikut jumlah penumpang yang menaiki sesuatu train.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan layanan dan bekalan makanan memuaskan dan mencukupi, KTMB juga sentiasa berusaha agar makanan adalah bersih dan bermutu. Bagi menentukan coach buffet dan makanan yang disediakan adalah sentiasa bersih dan bermutu, KTMB telah pun mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) coach buffet dicuci di bahagian dalam dan luar setiap hari;
- (ii) kawalan serangga (pest control), dengan izin, dilakukan setiap bulan bagi membunuh lipas dan lain-lain serangga dalam coach; dan
- (iii) inspektor kualiti juga ditugaskan untuk menilai kualiti makanan yang disediakan kepada penumpang. Penilaian yang diberi bukan sahaja terhad kepada kualiti makanan tetapi juga termasuk layanan, proses penyediaan makanan dan juga kebersihan.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat tadi, tetapi saya rasa itu 'indah khabar dari rupa'. Oleh kerana, saya sering juga menggunakan perkhidmatan, jadi adakah pihak kementerian sedar bahawa dalam usaha-usaha tersebut seperti yang kita lihat masih ada tempat menyaji makanan tidak bersih, gerobok-gerobok yang digunakan untuk menyimpan makanan tidak bersih. Saya sendiri pernah melihat ada lipas di situ. Jadi

adakah ini tindakan yang diambil oleh kementerian. Saya harap kementerian akan terus bertindak dalam perkara ini.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya akan balik membuat laporan supaya mereka akan berhati-hati dan memberi perkhidmatan yang lebih baik dan selesa pada semua penumpang termasuk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Kassim bin Md. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Golongan mana rakyat Malaysia ini yang sering dan kerap menggunakan perkhidmatan keretapi ini, adakah dari golongan yang berpendapatan rendah, sederhana ataupun yang tinggi dan berapa ramaikah di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menggunakan perkhidmatan keretapi ini?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang sukar sedikit untuk menjawab soalan ini, sebab didapati penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatan train di seluruh negara ini, memang datang dari semua golongan, termasuk golongan yang berpendapatan rendah, sederhana atau orang yang berpendapatan tinggi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin bukan dari Kuala Lumpur, khususnya di luar negeri juga menggunakan perkhidmatan train ini.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berharap soalan saya ini juga akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan supaya boleh diambil tindakan. Soalannya, adakah pihak kementerian menyedari bahawa bagi koc Ekspres Langkawi, koc makan adalah terletak di hujung belakang koc. Pada pandangan Yang Berhormat adakah munasabah kalau koc makan di Ekspres Langkawi diletakkan di pertengahan sepanjang koc yang tersebut?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ini, saya akan merujuk balik kepada KTMB, tetapi saya percaya memang ada sebab supaya koc makanan diletakkan di belakang, kemungkinan ada sebab-sebabnya. Walau bagaimanapun, saya ingat apabila balik saya akan tanya dan tengok, sebab saya pun kurang pasti, kadang-kadang saya pun naik juga train, tetapi saya tidak sedar koc makanan ini diletakkan di bahagian mana sepanjang train itu.

#### **WARGANEGARA MALAYSIA BEKERJA DI SINGAPURA DAN BILANGAN WANG CPF YANG DIBAYAR**

4. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan warganegara kita yang sedang bekerja di Singapura dan bilangan wang yang dibayar oleh mereka untuk CPF, juga menyatakan apakah tindakan kerajaan untuk membantu mereka yang belum mencapai umur 55 tahun dan sudah meninggalkan negara itu untuk memohon balik wang CPF tersebut.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan Yang Berhormat dari Bagan adalah mengenai Central Provident Fund (CPF) Singapura iaitu satu kumpulan simpanan wang di sebuah negara asing. Kerajaan tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung dengan jumlah caruman dan bilangan pencarum Malaysia yang bekerja di Singapura. Semua jenis pengeluaran dari CPF termasuk pencarum-pencarum masih mencapai umur 55 tahun dan tidak lagi bekerja di Singapura, tetapi ingin mengeluarkan wang carumannya adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh CPF dan Kerajaan Singapura. Pencarum Malaysia yang menjadi ahli CPF bolehlah berhubung secara langsung dengan CPF bagi mendapat nasihat dan bantuan sekiranya perlu.

Mengikut peraturan sekarang rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak dibenarkan mengeluarkan simpanan dari CPF walaupun belum mencapai umur 55 tahun, manakala rakyat Malaysia di Semenanjung hanya dibenarkan setelah mencapai umur 55 tahun.

Kerajaan akan terus berunding dengan Kerajaan Singapura supaya semua rakyat Malaysia diberikan layanan yang sama tanpa mengira sama ada mereka dari Semenanjung, Sabah ataupun Sarawak.

#### **PELABURAN MALAYSIA DI ALBANIA DAN PAPUA NEW GUINEA - JUMLAH**

**5. Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pergolakan di negara Albania dan Papua New Guinea menjejaskan pelaburan Malaysia di negara-negara tersebut. Nyatakan juga jumlah pelaburan di negara tersebut dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menjamin keselamatan rakyat Malaysia dan pelaburan di negara-negara tersebut.

#### **Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Luar Negeri, saya ingin memaklumkan bahawa dari laporan-laporan yang diterima oleh kementerian mengenai pergolakan di Albania pada bulan Mac yang lalu, tidak dinafikan bahawa kejadian rusuhan di negara tersebut telah mengakibatkan aktiviti-aktiviti pelaburan dan lain-lain aktiviti tergendala sehingga ketibaan Angkatan Keselamatan Bersama Eropah yang berjaya mengawal keadaan. Walau bagaimanapun, dalam jangka waktu yang panjang keadaan ini sama sekali tidak menjejaskan sebarang pelaburan Malaysia di Albania.

Jumlah pelaburan Malaysia di Albania adalah kecil. Pada ketika ini terdapat dua jenis pelaburan yang dijalankan oleh pelabur Malaysia iaitu projek perumahan di Tirana bernilai US\$24 juta dan pembinaan hotel dan pusat perdagangan Tirana yang bernilai US\$33 juta. Di samping itu sebuah bank komersial yang dikendalikan oleh sebuah syarikat Malaysia turut beroperasi di Tirana.

Rusuhan yang tercetus pada bulan Mac yang lalu, kerajaan telah mengambil tindakan untuk membantu rakyat Malaysia - 10 orang kesemuanya untuk keluar dari Albania untuk sementara waktu.



Kerajaan akan sentiasa mengikuti perkembangan keadaan di Albania dan menasihati pelabur-pelabur kita bagi memastikan kepentingan rakyat dan pelabur-pelabur kita sentiasa dilindungi.

Menyentuh tentang pergolakan di Papua New Guinea pula, sukacita dimaklumkan bahawa ia tidak menjejaskan langsung pelaburan Malaysia di negara tersebut. Jumlah pelaburan Malaysia di Papua New Guinea pada masa kini dianggarkan sebanyak RM1.3 ribu juta (bilion). Syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di sana telah memasuki pelbagai sektor seperti perkayuan, perlombongan, pertanian, perikanan, pembuatan, pembinaan, kewangan dan perkhidmatan.

Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Port Moresby juga sentiasa berhubung rapat dan menasihati syarikat-syarikat Malaysia dan berusaha menjaga pelaburan Malaysia di Papua New Guinea. Kerajaan mengikuti dengan dekat segala pergolakan di Papua New Guinea baru-baru ini dan telah membuat persiapan awal untuk membawa pulang rakyat Malaysia yang berjumlah 3,000 orang kesemuanya sekiranya perlu, tetapi Alhamdulillah ternyata keadaan telah pulih semula dan keamanan kembali wujud di Port Moresby.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sebelum berlaku pergolakan di Albania dan Papua New Guinea sudah tentu ianya mempunyai kesan-kesan yang sudah pun dapat dikenal pasti dan dilihat. Sejauh manakah kerajaan dapat mengikuti perkembangan ini dan selepas ini memberi nasihat kepada pelabur-pelabur Malaysia untuk pergi melabur di tempat-tempat ini?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kita sentiasa mengikuti perkembangan negara-negara yang mana Malaysia ada kepentingan dan kita telah pun mengesan perkara-perkara yang berlaku awal-awal lagi di negara-negara seperti di Albania dan di Papua New Guinea, itu sebab mengapa kita

sempat membawa keluar orang-orang kita daripada Albania khususnya dan memberi nasihat kepada orang-orang kita di Papua New Guinea supaya bersedia sekiranya perlu untuk mereka dikeluarkan dan selepas itu juga kita sentiasa menasihati mereka tentang perkembangan semasa dan kini, macam di Albania itu, walaupun kini mereka belum balik pulang ke Tirana, tetapi kita sedang mengikutinya dan akan menasihati mereka bila perlu mereka balik ke Albania tetapi di pihak peringkat Papua New Guinea pula keadaan telah mula pulih dan mereka tetap terus berada di Papua New Guinea dan keadaan pelabuhan mereka itu agak terjamin pada masa kini.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentunya sedar bahawa sekarang ini banyak pelabur Malaysia yang melabur di luar negara tetapi tiada kementerian yang khusus bertanggungjawab kepada pelabur-pelabur ini. Umpamanya, banyak masalah yang timbul, di Indonesia baru-baru ini pertukaran dasar yang diadakan di Indonesia, di Albania, di Papua New Guinea dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju di atas cadangan saya supaya pihak Kementerian Luar Negeri dijadikan ataupun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dijadikan kementerian penyelaras bagi pelabur-pelabur Malaysia yang ingin melabur di luar negara?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah kedua-dua kementerian yang tersebut tadi iaitu Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memainkan peranan yang terdepan sekali untuk membantu pelabur-pelabur kita sekiranya terdapat yang mana mereka memerlukan bantuan dan campur tangan pihak kerajaan kita bagi memastikan yang pelaburan mereka itu tetap terjamin dan kita lihat pada ketika ini cara itu amat sesuai sekali tetapi pada masa yang akan datang pula, apabila pelabur-pelabur Malaysia mungkin

banyak bertambah melabur di luar negara, mungkin lain-lain format, lain-lain sistem dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita juga menerima dan mengetahui bahawa di Solomon Islands berlaku perkara seumpama ini. Bagaimana kedudukan pelabur-pelabur kita di tempat itu? Terima kasih.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ia terkeluar daripada soalan asalnya tetapi saya ingin menyatakan bahawa dalam keadaan sekarang ini masih terjamin.

#### **ASEAN - PERANAN MENGHADAPI PERGOLAKAN DI CAMBODIA**

6. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan ASEAN dalam menghadapi pergolakan yang berlaku di Cambodia secara am dan sikap Malaysia terhadap perkara ini.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Luar Negeri juga, saya ingin menyatakan bahawasanya pada pendapat Malaysia, ASEAN boleh mengambil peranan mencari jalan untuk membantu Cambodia mengatasi apa sahaja masalah yang dihadapi oleh negara tersebut tetapi saya ingin menjelaskan bahawasanya segala usaha ASEAN mesti terlebih dahulu mendapat restu dan dipersetujui oleh pihak Cambodia itu sendiri. Segala usaha ini adalah bertujuan untuk menyenangkan Cambodia menjadi anggota ASEAN.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah pandangan kerajaan kepada tindakan kerajaan Amerika Syarikat yang telah mengambil tindakan ekonomi kepada Cambodia yang mana mereka menyatakan bahawa negara Cambodia telah pun mencabuli hak asasi manusia?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Saya ingat Yang Berhormat maksudkan tadi itu bukan Cambodia - Myanmar - setakat ini saya diberitahu bahawa Cambodia tidak terbabit dengan tindakan yang dibuat oleh Amerika Syarikat, cuma ada sedikit pergolakan politik di Cambodia antara dua kumpulan yang besar iaitu kumpulan yang dipimpin oleh Raja Ranariddh, yang juga menjadi Perdana Menteri bersama bercanggah dengan parti yang dipimpin oleh Perdana Menteri bersama Hun Sen yang menyebabkan ada sedikit rusuhan disebabkan masalah politik dalaman. Bermakna ini adalah perkara yang membabitkan masalah dalaman dan kita sedang memerhatikannya dan sekiranya perlu pihak anggota ASEAN yang lain boleh membantu supaya keadaan di Cambodia dapat ditenteramkan semula.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah sebab musababnya dalam perhatian Malaysia yang boleh berlakunya pertikaian di antara dua Perdana Menteri di Cambodia dan yang kedua, saya ingin mendapat pandangan daripada pihak Malaysia terhadap saranan Amerika Syarikat yang kita telah dimaklumkan dalam Berita pagi tadi mencadangkan supaya ASEAN tidak terus menerima Myanmar sebagai anggota baru dalam pakatan tersebut?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pertikaian antara dua kumpulan di Cambodia tentunya disebabkan politik yang berbeza. Lagi pun, mereka sedang bersedia untuk mengadakan satu pilihan raya umum tahun hadapan. Berikutan dengan itulah, ada sedikit pergolakan politik, masing-masing hendak menjadi juara ataupun memenangi pilihan raya umum itu dengan cara mutlak supaya mereka dapat memerintah seterusnya. Kini ada satu kerajaan campuran antara kumpulan Raja Ranariddh dan kumpulan Hun Sen. Kerana mereka tidak sehaluan di dalam mentadbirkan negara, dalam politik dalam cara-cara tertentu, kita lihat mereka akan

menumpukan kepada pilihan raya umum untuk menentukan parti masing-masing berjaya. Kalau berjaya mereka akan dapat memerintah negara itu secara mutlak. Saya harap itu akan dapat dijalankan dengan baik, tidak kira siapa yang menang asalkan sebuah kerajaan yang baru yang boleh diterima oleh masyarakat secara proses demokrasi itu dapat diwujudkan di Komboja.

Yang keduanya berkenaan dengan saranan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat beri saranan sahaja tetapi ianya terpulang dan tertakluk kepada rantau ini sendiri untuk menentukan cara mana kita hendak mengatasi masalah-masalah yang melibatkan negara di rantau Asia. Bagi pihak dan pendapat negara-negara dalam ASEAN kita membuat pendirian yang jelas bahawasanya kita tetap akan memasukkan Myanmar dalam ASEAN pada tahun hadapan dan kita ada cara-cara kita sendiri, cara kita di rantau Asia ini, secara constructive engagement, dengan izin, untuk membawa Myanmar masuk ke kumpulan ASEAN ini, dengan itu kita yakin apa yang dianggapkan tidak betul, tidak demokratik oleh negara Amerika Syarikat khususnya akan dapat kita perbetulkan sedikit demi sedikit setelah mereka dapat menyertai ASEAN itu kelak pada tahun hadapan.

### **KONSEP ZON BEBAS DI MALAYSIA - PERANAN**

7. **Dato' Chet Singh a/l Karam Singh** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada konsep Zon Bebas di Malaysia dalam bentuk sekarang mempunyai peranan masa hadapan dalam pembangunan perindustrian di Malaysia memandangkan rancangan semasa untuk mengurangkan tarif dan berfungsinya Organisasi Perdagangan Sedunia (WTO)

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**[Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari konsep Zon Bebas yang sedia ada tidak lagi sesuai selepas pelaksanaan sepenuhnya konsep Zon Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan juga pelaksanaan sepenuhnya perakuan-perakuan Organisasi Perdagangan Sedunia (WTO). Dalam situasi

ini di mana tarif telah dikurangkan, produk-produk Malaysia terpaksa bersaing di pasaran bebas. Dalam hal ini pelan induk perindustrian kedua telah menggariskan lima teras strategi bagi menyediakan sektor industri Malaysia supaya mampu bersaing di pasaran bebas. Lima teras strategi PIP II ini ialah:

- (i) Orientasi global;
- (ii) Meningkatkan daya saing;
- (iii) Pembaikan asas ekonomi;
- (iv) Menambahkan syarikat perkilangan milik Malaysia; dan
- (v) Mempertingkatkan lagi proses intensif maklumat dan proses berteraskan pengetahuan.

Sebagai contoh, melalui strategi orientasi global, syarikat-syarikat perkilangan diharapkan akan mengeluarkan produk untuk eksport semata-mata dan mencapai tahap pengeluaran bertaraf antarabangsa. Di samping itu peningkatan daya saing sektor perkilangan akan menumpukan perhatian kepada pembangunan industri berasaskan kelompok, atau dengan izin, the cluster base approach, menerusi pengukuhan dan perluasan rantaian perindustrian serta daya saing pengeluarannya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam akhbar hari ini kalau tidak silap, di antara sepuluh negara bersaing dalam bidang perdagangan Malaysia ini adalah tempat kesembilan, kalau tidak silap saya dan Singapura masih tempat pertama diikuti dengan Hong Kong, Taiwan dan Amerika, United Kingdom; New Zealand, saya tidak pasti. Sejauh manakah usaha mewujudkan Asia sebagai Zon Bebas Perdagangan ini dapat diusahakan dengan kerjasama negara-negara anggota ASEAN sendiri?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini begitu kritikal sekali kerana dengan perjanjian dan pendekatan kita melalui hubungan AFTA dan juga WTO, suka tidak suka kita harus bersaing di pasaran bebas, tetapi saya ingin mengingatkan bahawa pendekatan ini tidak sepatutnya dilihat sebagai satu bebanan dan kerajaan akan terus mempertingkatkan lagi daya saing dan juga kelemahan-kelemahan industri-industri tempatan supaya dapat setaraf dan dapat bersaing dengan negara-negara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya menyebutkan bahawa perkara ini harus dilihat bukan sebagai satu bebanan kerana di bawah AFTA usaha bersama oleh negara-negara anggota ASEAN mewujudkan satu kawasan perdagangan bebas, boleh dilihat sebagai satu peluang keemasan, satu peluang baru untuk kita menguasai pasaran dan juga menikmati economi of scale kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Indonesia di mana rakyatnya berjumlah 200 juta, jelas bahawa pasaran begitu luas untuk syarikat-syarikat kita.

Di bawah WTO pula, pelaksanaan komitmen dan obligasi negara-negara anggota WTO akan menghasilkan persekitaran atau suasana yang kondusif untuk perdagangan global yang lebih kondusif kepada perdagangan yang lebih telus dan juga lebih predictable. Ini berasaskan kepada perjanjian-perjanjian WTO kita dan mewujudkan satu peluang market access yang saya sebutkan lebih luas kepada negara-negara lain, tetapi saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa bersama-sama dengan peluang dan ruang ini, cabaran juga jelas kepada syarikat-syarikat tempatan untuk dapat bersaing dengan negara-negara yang mungkin lebih kompetitif dari semua aspek tetapi kerajaan yakin dengan usaha-usaha yang telah diatitkan dan Pelan Induk Perindustrian dan lima teras yang saya sebutkan dalam jawapan asal tadi, kita mampu dan yakin boleh bersaing dengan mereka.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pihak kerajaan begitu aktif menyertai organisasi perdagangan sedunia yang akan mengakibatkan pendedahan pasaran kita kepada pasaran dunia seluruhnya, mengikut Pelan Induk Perindustrian adakah pihak kerajaan menyedari hakikat bahawasanya selagi kita mempunyai pekerja-pekerja asing yang kini berjumlah berjuta dan meningkat dari masa ke semasa, ianya akan melemahkan persaingan negara kita Malaysia dengan negara-negara maju kerana kita merupakan sebuah negara yang mempunyai dari segi tenaga murah, bukannya negara yang mempunyai hasil pengeluaran berasaskan ilmu, atau knowledge base. Jadi, sejauh mana mengikut pelan induk pihak kerajaan akan mengurangkan dari masa ke semasa sehingga tidak ada lagi pekerja-pekerja asing ini dan sehinggakan pekerja-pekerja di Malaysia merupakan, knowledge base pekerja.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat dengan pandangan Ahli Yang Berhormat sebab itulah di bawah Pelan Induk Perindustrian yang baru-baru ini dilancarkan, teras dan dasar kerajaan ialah untuk memberi tumpuan dan priority kepada industri-industri yang berintensifkan modal dan juga yang berteknologi tinggi. Sebab itulah kita tidak ada pilihan lain tetapi menjayakan usaha-usaha dan pendekatan melalui Multimedia Super Corridor dan sebagainya. Tetapi, kita hari ini juga harus menerima hakikat bahawa kekurangan tenaga buruh dan juga kekurangan tenaga buruh mahir memaksa dan menuntut kita membenarkan sedikit sebanyak buruh-buruh asing untuk memastikan bahawa tahap pembangunan ekonomi dapat kita terus kecapai kepada tahap yang diharap-harapkan.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah pun mengaturkan program-program dan juga insentif-insentif supaya kita dapat mengorak langkah kepada industri-industri yang



berasaskan kepada teknologi, khususnya di dalam bidang industri kecil dan sederhana. Di bawah bantuan kewangan secara pemberian bersamaan atau matching grant di bawah IPTA, kita telah pun memperkenalkan insentif-insentif dan juga kemudahan-kemudahan bagi khidmat perundingan pembangunan dan reka bentuk barangan, peningkatan kualiti dan produktiviti dan juga pembangunan pemasaran. Kemudahan-kemudahan lain seperti bangunan kilang, kemudahan pinjaman di bawah skim pinjaman mudah modenisasi dan juga automasi, kemudahan kewangan lain di bawah Skim Jaminan Utama dan juga Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) menjadi perkara yang begitu penting dan kritikal di bawah dasar Pelan Induk Perindustrian kita.

Kerajaan memang sedar bahawa ini adalah kelemahan-kelemahan tetapi kita juga terima hakikat bahawa pada hari ini wujud kekurangan tenaga buruh, lebih-lebih lagi kekurangan tenaga buruh mahir. Tetapi, insya-Allah, dengan pendekatan dan insentif-insentif sekiranya disahut dan diberi sokongan oleh syarikat-syarikat tempatan, kita dapat atasi kelemahan-kelemahan itu.

#### **SYARIKAT PERWAJA BERHAD - USAHA PEMULIHAN**

**8. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Kewangan menjelaskan setakat mana usaha pemuliharaan syarikat Perwaja Berhad telah dilaksanakan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan kejadian yang telah menimpa BMF dan Perwaja ini tidak berulang lagi kepada syarikat-syarikat gergasi kerajaan yang lain.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berusaha untuk memulihkan Perwaja dengan menguruskan operasi harian Perwaja secara usaha sama melalui kontrak pengurusan yang diketuai oleh Maju Holding Sdn. Bhd. (Maju) dengan struktur ekuiti Maju 51% dan kerajaan 49% dan saham istimewa. Kontrak pengurusan bermaksud, syarikat usaha sama iaitu Equal Concept Sdn. Bhd. (ECSB) akan menguruskan operasi Perwaja selama 6 bulan mulai Julai hingga Disember, 1996.

Kontrak pengurusan tersebut telah dilanjutkan sehingga 30hb. Jun, 1997. Di dalam tempoh kontrak pengurusan, Maju telah mengemukakan cadangan penswastan Perwaja untuk pertimbangan dan persetujuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mempertimbang cadangan tersebut dan bersetuju supaya Perwaja diswastakan kepada konsortium yang diterajui oleh Maju dan disertai oleh Kumpulan Lion dan kerajaan berdasarkan struktur pegangan ekuiti seperti berikut:

|                      |   |                         |
|----------------------|---|-------------------------|
| Maju Holding Bhd.    | - | 51%                     |
| Kumpulan Lion        | - | 30%                     |
| Kerajaan Persekutuan | - | 19% dan saham istimewa. |

Kerajaan memegang saham istimewa untuk memelihara kepentingannya dan memastikan perkembangan Perwaja di masa hadapan selaras dengan matlamat perindustrian negara dalam pengeluaran besi dan keluli.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kejadian yang menimpa BMF dan Perwaja tidak berulang lagi kepada syarikat gergasi kerajaan yang lain, maka wakil kerajaan di dalam lembaga pengarah bertanggungjawab memastikan syarikat-syarikat kerajaan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa. Di samping itu, perjalanan syarikat-syarikat ini akan diawasi dengan lebih rapi seperti memerlukan mereka menyediakan laporan audit dan laporan kewangan terperinci.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana kes penyelewengan yang dilakukan oleh pihak pengurusan kesudahannya apa yang telah diambil tindakan kepada mereka berhubung dengan Perwaja?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih di dalam pihak yang berkenaan iaitu BPR dan pihak polis dan setakat ini pihak Kementerian Kewangan belum menerima apa-apa laporan daripada pihak yang berkenaan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut bahawa Tan Sri Eric Chia ini diberi tanggungjawab untuk menguruskan Perwaja bagi pihak kerajaan dan kita juga mendengar penafian bahawa sekarang ini BPR sedang menjalankan siasatan terhadap Eric Chia. Saya hendak tahu, sebenarnya Eric Chia ini sekarang berada di mana?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan tidak mengetahui di manakah Tan Sri Eric Chia itu. Mungkin kawan saya yang di sebelah saya, Yang Berhormat Dato' Ong Ka Ting, Timbalan Menteri Dalam Negeri ini dapat memberitahu jawapan yang lagi tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan apakah maklumat yang diberikan di dalam Dewan yang mulia ini adalah yang lagi tepat. Kalau terdengar apa-apa khabar angin, mungkin boleh kita abaikan.

#### **PENJUALAN PELURU DI SABAH - KEBENARAN**

**9. Tuan Haji Sairin bin Karno** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah kementerian memberi kebenaran kepada penjual-penjual peluru di negeri Sabah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, penjualan peluru di Sabah telah pun berjalan sejak sebelum Akta Senjata 1960 dikuatkuasakan sehingga sekarang. Pihak polis tidak pernah membekukan penjualan peluru di Sabah termasuk semasa Operasi Semak yang diadakan pada tahun lepas.

Walau bagaimanapun, apa yang sebenarnya berlaku ialah terdapat penjual peluru di Sabah yang semasa dalam siasatan pihak polis telah dilarang buat sementara dari menjalankan perniagaan sehingga siasatan yang dilakukan itu selesai.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian mendapat maklumat daripada pihak tertentu di negeri Sabah bahawa ada penjual-penjual yang telah dilarang untuk menjual, sekarang ini menjual dengan harga yang berlipat kali ganda?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada penyelewengan dan maklumat itu dapat disampaikan, saya rasa pihak kementerian dan pihak polis tetap akan siasat. Telah pun pernah berlaku penyelewengan yang serius pada tahun yang lepas sehingga pihak polis telah pernah gunakan ISA, gunakan akta senjata api, begitu ramai orang ditangkap, termasuk kakitangan yang bekerja di balai polis pun ditangkap. Saya rasa kalau ada lagi penyelewengan, kita tidak akan beri peluang sekalipun. Jadi, saya harap kalau dapat Yang Berhormat boleh sampaikan maklumat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kan Kok Kwan.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

#### **RIBUT GREG MELANDA SABAH - JUMLAH MANGSA**

**10. Tuan Haji Sairin bin Karno [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan akibat dan kejadian ribut tropika Greg pada 25.12.1996 lalu:-

- (a) berapakah jumlah mangsa yang terkorban yang masih hilang, jumlah kerugian yang dialami; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengelakkan kejadian/tragedi seumpama itu berulang kembali dan adakah Jabatan Kaji Cuaca telah memberikan amaran tentang kedatangan ribut itu.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab:

- (a) Jumlah mangsa yang terkorban akibat kejadian ribut tropika Greg ialah 238 orang dan jumlah yang masih hilang tidak diketahui kerana tiada laporan polis dibuat. Setakat ini jumlah kerugian yang dialami ialah RM130 juta.
- (b) Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengelakkan kejadian tragedi seumpama itu berulang kembali adalah seperti berikut:
- (i) menambahkan sumber tenaga manusia untuk melaksanakan pengawasan bagi memberi amaran awal tentang cuaca buruk;
  - (ii) meningkatkan taraf peralatan sistem pengawasan dengan menggantikan sistem radar amaran ribut dan sistem penerimaan satelit cuaca yang sedang digunakan di Kota Kinabalu dan Kuching;
  - (iii) menubuhkan sistem pengawasan yang lebih berkesan melalui integrasi radar-radar di Sabah dan Sarawak; dan
  - (iv) mewujudkan sistem sebaran maklumat cuaca yang lebih berkesan dengan melibatkan agensi-agensi lain yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peralatan sistem amaran kaji cuaca yang digunakan oleh Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia pada masa ini mampu untuk mengesan dan merekodkan segala bentuk maklumat berhubung dengan keadaan cuaca yang berlaku dari semasa ke semasa. Melalui peralatan ini, pada 23hb. Disember, 1996, jam 8.00 pagi, Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia

telah berjaya mengesan keadaan awan dan sistem tekanan rendah (low pressure system) di Laut China Selatan. Maklumat-maklumat yang diterima daripada sistem ini telah pun dimaklumkan kepada pihak-pihak tertentu, termasuk agensi yang terlibat memberi bantuan bencana alam di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Berapakah jumlah bantuan kerajaan berikan kepada mangsa ribut Greg ini?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini di bawah kementerian berlainan, saya tidak ada rekod, minta maaf.

#### **PENCEMARAN SUNGAI - TINDAKAN**

**11. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) rata-rata kejernihan sungai-sungai di negara kita masih lagi dicemari. Apakah tindakan proaktif yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan pencemaran sungai-sungai di negara kita terkawal; dan
- (b) salah satu punca terjadi banjir kilat dengan mudah adalah kerana sistem perparitan dan aliran sungai-sungai kecil yang tidak dijaga secara sistematik. Apakah langkah-langkah jangka panjang pihak kerajaan bagi menentukan masalah ini terkawal.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Pencemaran sungai-sungai di negara ini adalah disebabkan oleh beberapa punca utama termasuk pembangunan tanah, kewujudan kawasan setinggan serta pembuangan sisa domestik dan industri. Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, kerajaan telah dan akan terus mengambil beberapa tindakan untuk menangani masalah pencemaran air sungai. Ini termasuklah melancarkan program peningkatan kesedaran seperti “Cintailah Sungai Kita”, mengadakan

program pemulihan sungai-sungai yang tercemar, menjalankan kajian pelan pengurusan lembangan sungai yang komprehensif, mewujudkan Jawatankuasa Kawalan Pencemaran Sungai di peringkat negeri dan daerah serta menyediakan garis panduan berkaitan dengan pembangunan dan kawalan pencemaran sungai.

- (b) Soalan ini telah pun dijawab yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman pada 15hb. Mei, 1997 dan pihak kementerian tidak ada apa-apa hendak tambah.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa untuk menentukan kelancaran sistem perparitan dan aliran sungai-sungai kecil, kerja-kerja pembersihan dijalankan secara kontrak sebagaimana juga penjagaan-penjagaan infrastruktur yang ada di bandar-bandar. Tetapi adakah kementerian sedar bahawa kadar bayaran ataupun kontrak yang diberi kepada kerja-kerja mencuci sungai ini amatlah rendah sehingga usaha-usaha yang dibuat tidak memuaskan?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mencuci sungai, kita keluarkan tender ataupun sebut harga. Jadi, kita berpandukan kepada sebut harga dan tender yang dikeluarkan. Jadi, masalah tidak cukup itu tidak berbangkitlah.

#### **LESEN TV - MENGHAPUSKAN**

**12. Tuan M. Zeevill** minta Menteri Penerangan menyatakan bahawa lesen-lesen menggunakan televisyen harus dihentikan supaya rakyat jelata dapat menikmati kemudahan ini tanpa gangguan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan kadar bayaran lesen alat terima siar televisyen. Kadar bayaran yang dikenakan sekarang iaitu sebanyak RM24 setahun adalah kadar yang

terendah dan tidak pernah dinaikkan semenjak dari diperkenalkan pada tahun 1964. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah pun mengecualikan bayaran lesen alat terima siar radio mulai pada 1hb. Jun, 1991.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya belanja mengutip lesen TV ini walaupun tidak lebih, sekurang-kurang sama dengan pendapatan daripada lesen TV. Jadi, kerja ini adalah satu kerja yang remeh. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan supaya lesen-lesen TV yang sepatutnya dikenakan bayaran kepada pengguna-pengguna TV ini ditanggung oleh pihak, umpamanya pihak Astro, Mega TV, TV3, RTM dan juga Metro Vision sendiri?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada mempunyai cadangan untuk mengalihkan terhadap tanggungan pembayaran lesen sebanyak RM24 ini ditanggung oleh agensi-agensi seperti Astro dan juga RTM kerana kita tahu bahawa pada hari ini pembangunan sistem sektor penyiaran ini amat memerlukan bukan hanya kecanggihan peralatan bahkan menggunakan tenaga buruh yang begitu mahir dan sudah pasti ini akan sedikit sebanyak memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi sekali. Maka walaupun jumlah pungutan hasil daripada kutipan lesen ini tidaklah begitu tinggi berbanding daripada pungutan hasil-hasil yang lain seperti iklan, namun demikian ini sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan kerajaan untuk menampung perbelanjaan penyediaan infrastruktur bagi sektor penyiaran di negara ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menyerapkan bayaran lesen TV ini kepada pembeli-pembeli itu sendiri semasa mereka membeli. Misalannya, sekarang ini setahun RM24.00, jikalau kerajaan kenakan bayaran sekali gus, katakanlah RM100.00 bila beli TV dia bayar sekali, dan pihak penjual TV akan bayar balik kepada kerajaan. Kalau cara



ini, maknanya rakyat tidak perlu membayar tiap-tiap tahun dan akan menimbulkan masalah kepada kerajaan untuk mengutip dan sebagainya. Selepas itu, orang yang tidak dapat dikutip terpaksa hantar penguatkuasa pergi siasat di rumah pula ambil tindakan. Saya nampak ini kerja membazir. Bolehkah kerajaan cadang supaya serapkan begitu?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya cadangan Yang Berhormat ini adalah satu cadangan yang cukup baik. Ini adalah merupakan sebahagian daripada alternatif perkara-perkara yang telah kita kenal pasti untuk mengatasi masalah ini. Kerana kita dapati bahawa ramai lagi antara pelanggan-pelanggan yang mempunyai TV di negara ini telah tidak dapat membayar lesen mereka dan banyak perkara yang telah mengakibatkan perkara ini berlaku. Kita bercadang agar 'advance point' dia, di mana bila dia membeli set TV itu kita kenakan lesen. Itulah amalan-amalan negara yang lain seperti United Kingdom, satu amalan yang cukup berkesan. Walaupun demikian, ini masih di peringkat pengkajian kementerian untuk mengenal pasti apakah cara-cara yang lebih berkesan untuk kita dapat mempertingkatkan pungutan hasil. Pandangan Yang Berhormat kita ambil kira, dan insya-Allah bila sampai waktunya, kementerian akan mengambil langkah-langkah sebahagian seperti yang dinyatakan tadi. Itu untuk meningkatkan pungutan hasil.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Barangkali itu satu cadangan yang bagus, cuma bagaimana kalau TV itu baru setahun kita pakai sudah rosak? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Baiki sudahlah. *[Ketawa]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bagi menjawab soalan sebetulnya mengenai dengan TV set ini, saya rasa kementerian tidak mempunyai tanggungjawab langsung. Ini adalah pihak pengguna untuk menentukan supaya dapat mereka gunakan

set itu begitu lama sekali. Saya rasa soalan Yang Berhormat itu terserahlah kepada pihak pengguna dan kita tidak bertanggungjawab tentang perkara itu. Walaupun demikian, saya menasihatkan agar rakyat di negara ini dapat memelihara TV set agar dapat digunakan lebih lama. Saya pun yakin bahawa masyarakat kita mempunyai sikap-sikap sedemikian.

### **VIDEO LUCAH - TINDAKAN MENYEKAT PENJUALAN**

13. **Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan kementerian untuk menyekat penjualan video lucah dan jumlah mereka yang ditangkap melakukan kesalahan tersebut bagi tahun 1996 dan 1997.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menyekat pengedaran dan penjualan video lucah, Kementerian Dalam Negeri melalui Unit Penguatkuasa Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan juga polis akan terus mengadakan operasi dan pemeriksaan di premis-premis yang ada menjalankan aktiviti menjual, mengedar, menyewa atau menayangkan filem seperti di pusat-pusat video, pasar-pasar malam, pawagam dan pusat-pusat karaoke.

Tindakan merampas filem-filem termasuklah pita-pita video yang lucah dan yang tidak ditapis oleh LPF akan diambil. Di samping itu, tuan-tuan punya premis-premis yang berkenaan juga akan dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya mengikut Akta Filem Penapisan 1952. Sepanjang tahun 1996, sejumlah 312 premis termasuk kenderaan telah diperiksa. Hasil daripada pemeriksaan tersebut sejumlah 92,763 filem telah dirampas yang terdiri daripada 84,336 filem yang tiada mempunyai sijil penapisan filem daripada LPF, dan sejumlah 8,427 lagi terdiri daripada filem lucah.

Pihak polis juga telah mengambil tindakan undang-undang ke atas 67 orang tuan punya premis-premis yang diperiksa kerana melanggar Akta Filem Penapisan 1952. Sehingga bulan April tahun ini jumlah premis yang telah diperiksa ialah sejumlah 126 premis. Hasil daripada pemeriksaan tersebut sejumlah 45,144 filem telah dirampas yang terdiri daripada 43,104 filem yang tiada mempunyai sijil penapisan dan bakinya sejumlah

2,040 filem adalah filem lucu. Sementara itu, seramai 22 orang telah dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Filem Penapisan 1952.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum selain daripada premis-premis yang disebutkan tadi, video-video lucu ini dijual di pasar-pasar malam. Kita difahamkan juga bahawa serbuan-serbuan telah dibuat dan tindakan telah diambil. Video-video lucu ini dijual dengan harga yang paling murah sekali. Jadi, puncanyalah patut kita ambil tindakan, iaitu mereka yang menjalankan kerja-kerja cetak rompak ini, saya ingin tahu daripada Kementerian Dalam Negeri berapa banyakkah dan berapa ramai orang yang telah diambil tindakan kerana kerja-kerja mencetak rompak ini?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pecahan berapa ramai yang terlibat diri dengan cetak rompak. Tetapi jumlah bilangan yang saya beri tadi adalah termasuk semua jenis kesalahan yang memiliki pita video atau filem lucu. Untuk makluman selanjutnya, daripada kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah termasuk semua mereka yang memiliki filem sama ada yang melanggar undang-undang, denda yang dikenakan sehingga April tahun ini adalah RM131,550. Saya sengaja hendak bangkitkan amaun denda ini kerana nampaknya sangat kurang. Saya sendiri ingat hukumannya patutlah kita tingkatkan. Maka Kementerian Dalam Negeri masa kini sedang mengkaji akta ini. Kalau boleh kita kenakan hukuman lebih berat. Kalau kita hendak pinda akta, mungkin kena bawa ke Parlimen. Itulah satu cara lebih berkesan.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sekarang ini kita sedang mengamalkan dasar 'langit terbuka.' Juga terdapat filem-filem lucu yang boleh disalurkan melalui Internet ataupun melalui satelit. Jadi, apakah peranan Lembaga Penapisan Filem terhadap filem-filem

yang disalurkan melalui Internet ataupun melalui satelit. Adakah Lembaga Penapisan Filem mampu untuk menapis filem-filem ini?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, bagi semua filem yang disalurkan melalui satelit ataupun sebagai contoh Astro, Kementerian Dalam Negeri telah pun adakan kerjasama yang rapat dengan pihak Astro, di mana mereka walaupun swasta, tetapi semua kakitangan Penapisan Filem itu dilatih oleh Kementerian Dalam Negeri, dan Kementerian Dalam Negeri berikan sokongan yang penuh kepada mereka, walaupun nampak swasta tetapi fungsi kerjanya macam juga Lembaga Penapisan Filem kerajaan.

Dari segi Internet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah secara terbuka mengatakan susah untuk kita menyekat ataupun hendak menapis Internet ini. Memang tidak dapat kita buat, lebih-lebih lagi kita hendak menggalakkan Multimedia Super Corridor, Kementerian Dalam Negeri akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain di mana yang boleh. Kalau Internet itu dia dapat secara terus 'on-line' kita tidak boleh buat apa-apa. Tetapi kalau dia hendak 'down-load', kita pun menghasil semula apa-apa yang lucah itu daripada Internet, maka terus dia akan dikawal oleh akta yang sedia ada. Itulah satu cara.

Selain daripada itu, apa cara yang lebih berkesan kerajaan berfikir bukan sahaja penguatkuasaan. Sudah tibalah masanya kita tingkatkan kesedaran supaya daya tahan diri kita di kalangan masyarakat, terutamanya kalau orang muda itu dapat tingkatkan melalui kempen, melalui kerjasama semua pihak termasuk orang awam.

### **GSP - KESAN PENARIKAN BALIK**

14. **Puan Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) apakah benar pelabur asing memindahkan industri mereka ke negara lain ada kaitan dengan penarikan balik GSP; dan
- (b) berapa tahun kebelakangan ini pertumbuhan industri elektronik agak lembab. Apakah kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada ekonomi dan kadar pengangguran negara.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepanjang pengetahuan kementerian ini tiada sebarang syarikat asing yang melabur di Malaysia telah memindahkan operasi mereka ke negara lain akibat daripada penarikan balik kemudahan GSP oleh Amerika Syarikat. Di samping itu, adalah terlalu awal untuk melihat kesan penarikan balik kemudahan GSP memandangkan ianya baru berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1997.

Dijangkakan industri Malaysia tidak akan terjejas oleh kerana eksport GSP hanya merupakan 16.59% dari eksport bagi tahun 1996. Daya saing sesebuah syarikat juga bergantung kepada banyak faktor selain daripada kemudahan GSP. Ianya termasuk kos tenaga kerja, kos perkhidmatan, sewaan dan keupayaan dan tahap produktiviti industri.

- (b) Adalah tidak benar anggapan yang mengatakan pertumbuhan industri elektronik negara agak lembab sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Angka-angka pelaburan menunjukkan bahawa pertumbuhan industri ini terus maju dan menggalakkan bahkan telah dapat menarik pelaburan-pelaburan baru. Dalam tahun 1994 pelaburan dalam industri elektronik berjumlah RM6.3 ribu juta, dan jumlah ini telah meningkat kepada RM7.01 ribu juta pada tahun 1995, iaitu peningkatan sebanyak 11.3%. pada tahun 1996,

pelaburan yang dicadangkan dalam industri ini berjumlah RM10.13 ribu juta, iaitu peningkatan sebanyak 44% berbanding dengan pelaburan yang dicadangkan pada tahun 1995. Ini jelas menunjukkan bahawa pelaburan dalam industri elektronik negara masih baik dan akan terus memberi kesan positif ke atas ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan di negara ini.

**Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya ada terbaca di dalam akhbar, ahli Parlimen diberi AP. Saya ingin tahu adakah Ahli-ahli Dewan Negara termasuk ahli Parlimen, turut sama mendapat AP?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, memang sudah lari jauh daripada soalan asal. *[Ketawa]* Tetapi jangan khawatir, Ahli Yang Berhormat, saya akan menjawab soalan ini semasa menggulung Ucapan Titah Diraja nanti.

#### **PROGRAM UNTUK NEGARA - KEJAYAAN**

15. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan oleh kerana kementerian telah menggubal “Program Untuk Negara” yang menggariskan 10 program utama:

- (a) program manakah yang telah berjaya buat masa ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah kementerian dalam usaha bagi menjayakan program-program yang belum berjaya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan tidak pernah menggubal program atas nama “Program Untuk Negara”. Walau bagaimanapun, kementerian pernah melaksanakan program yang dinamakan ‘Program Induk Belia Negara’. Program ini mengandungi 10 bidang pembangunan belia yang meliputi

semangat patriotisme dan kenegaraan, pembangunan budaya, pembangunan belia antarabangsa, pembangunan kemahiran, keusahawanan, sukan dan kecergasan.

Sungguhpun program ini mendapat sambutan, kementerian telah memperluaskan skop dan sasaran dengan beberapa pembaikan bagi memenuhi cita rasa sebenar masyarakat belia, dan pada bulan Oktober, 1994 Program Rakan Muda telah dilancarkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Program Rakan Muda sekarang adalah sebahagiannya diasaskan daripada konsep Program Induk Belia Negara tersebut. Oleh kerana Program Induk Belia Negara tidak dilaksanakan sepenuhnya kerana telah ditetapkan dan diserapkan dalam Program Rakan Muda, maka tidaklah dapat kementerian ini membuat penilaian di atas keberkesanannya.

Walau bagaimanapun, kementerian sedang berusaha untuk memantap dan memperkukuhkan semua program yang dilaksanakan di semua peringkat. Di antara usaha-usaha itu termasuklah memperluaskan sasaran program, meningkatkan keberkesanan sistem pelaksanaan serta membangunkan kemahiran dan kepakaran program di peringkat pegawai dan pertubuhan sukarelawan belia dan sukan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Setakat ini sejauh manakah kementerian dapat mengesan tindakan positif hasil daripada program-program yang dianjurkan oleh kerajaan dalam usaha mengelak belia-belia atau pun remaja-remaja ini daripada terlibat di dalam masalah gejala sosial? Dan saya hendak tahu juga berapa peratus mengikut kajian kementerian, belia-belia ini terlibat dengan bahan-bahan lucah ini, termasuk video-video dan filem-filem lucah ini, berapa peratus? Sebab setakat yang kita tahu belia yang banyak terlibat dengan mendapatkan bahan-bahan lucah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat orang tua pun ada. *[Ketawa]*

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ya.... [*Ketawa*]. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pendapat Tuan Yang di-Pertua, ada yang tua-tua pun terlibat juga tetapi saya akan memberi angkanya secara bertulis. Tentang keberkesanan program kami, setakat ini kementerian rasa agak puas hati dengan sambutan yang diberi oleh pihak belia dengan program-program yang dianjurkan oleh kementerian dan kami di kementerian sebagai satu cara sentiasa meningkatkan program yang ada dan menerima idea-idea baru supaya program-program kami lebih kontemporari dan dapat menambat hati belia dan remaja yang ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup. Mengikut peraturan Mesyuarat 6(3) sukacita saya menjemput Yang Berhormat Tuan Hanifah bin Ahmad untuk mempengerusikan mesyuarat.

[Tuan Hanifah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## USUL

### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan.” [20hb. Mei, 1997]



**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Kementerian Kewangan untuk menjawab.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Saya akan memberi maklum balas seberapa terperinci yang boleh kepada perkara yang telah diketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan pasaran saham beberapa minggu yang lepas adalah kurang cergas dan beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Dato' Rahim bin Baba, Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Ismail, Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah mengaitkan perkembangan ini dengan kenyataan Bank Negara Malaysia mengenai arah aliran pinjaman terhadap sektor hartanah dan pembelian saham dan membangkitkan tentang peranan kerajaan dalam mengawasi industri saham. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan tidak mengawasi pasaran saham secara langsung. Operasi BSKL adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh BSKL sebagai satu badan mengawal selia barisan utama.

Bagaimanapun kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti akan menentukan bahawa keseluruhan industri sekuriti termasuk BSKL, MNE, KLOFFE dan Bursa Komoditi (KLCE) menjalankan perniagaan dan operasi mereka secara teratur. Bagi BSKL, 4 ahli Jawatankuasa telah dilantik oleh Menteri Kewangan untuk menjaga kepentingan awam. Peranan Bank Negara Malaysia pula adalah untuk menentukan sistem perbankan membantu pasaran modal Malaysia. Dengan langkah-langkah ini kerajaan akan menentukan bahawa industri sekuriti negara dibangunkan dengan teratur bersama-sama dengan pihak yang terlibat termasuk penerbit, pelabur dan pihak awam.

Oleh itu berdasarkan akta masing-masing Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti mempunyai tanggungjawab untuk menentukan industri perbankan dan industri sekuriti beroperasi dengan berkesan dengan mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat. Dari masa ke semasa Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti perlu mengeluarkan kenyataan awam mengenai industri yang berkenaan sejajar dengan perkembangan pasaran dan kepentingan ekonomi negara. Kerajaan di pihaknya akan menentukan kenyataan berkaitan dengan industri ini hanya dikeluarkan selepas kajian mendalam mengenai implikasi keseluruhannya telah dikaji terlebih dahulu.

Sehubungan dengan ini Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah membangkitkan mengenai perlunya kerajaan mengadakan strategi yang lebih berkesan dalam menganalisa permohonan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan kukuh untuk disenaraikan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kriteria penilaian yang digunakan pada masa ini hanya membenarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh sahaja disenaraikan sama ada di papan utama ataupun papan kedua di BSKL.

Syarikat penyenaian ditentukan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang merangkumi tahap minimum terbitan dan modal berbayar serta rekod keuntungan bagi 5 tahun untuk papan utama dan 3 tahun bagi papan kedua. Syarat-syarat ini telah disemak semula pada 1hb. April 1997 bagi mengetatkan lagi syarat-syarat penyenaian bagi kedua-dua papan BSKL. Kriteria-kriteria yang lain, yang diberi pertimbangan oleh Suruhanjaya Sekuriti adalah bersangkutan paut dengan keyakinan dan prospek perkembangan syarikat, kualiti, integriti, kebolehan pengurusan syarikat. Adalah dirasakan syarat-syarat yang dikenakan ini adalah cukup ketat bagi memastikan hanya syarikat-syarikat yang kukuh dibenarkan untuk disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Ismail juga mencadangkan supaya sistem kewangan secara Islam diamalkan secara menyeluruh. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perbankan Islam di Malaysia telah bermula pada tahun 1983 dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad. Sehingga kini bank tersebut serta produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan oleh Bank Islam telah diterima pakai dan mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja di kalangan umat Islam tetapi juga di kalangan orang bukan Islam. Ini bermakna produk-produk perbankan Islam adalah sesuai dengan kehendak pengguna, berdaya saing dengan produk perbankan konvensional dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Kedayamajuan produk-produk perbankan Islam telah menarik minat institusi-institusi kewangan konvensional untuk turut menawarkan produk yang sama di institusi mereka. Sehubungan dengan ini kerajaan telah memberi galakan kepada perkembangan perbankan Islam secara menyeluruh dengan memperkenalkan sistem perbankan tanpa faedah pada tahun 1993 yang membolehkan institusi kewangan konvensional menawarkan produk-produk perbankan Islam. Dari perkembangan ini bolehlah disimpulkan bahawa usaha kerajaan mengembangkan perbankan Islam telah mencapai kejayaan dan sumbangan sektor perbankan Islam telah menjadi semakin penting dalam arus pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah membangkitkan, yang kerajaan perlu mendapat pengurusan dana yang berpengetahuan tinggi bagi mendapat pulangan melebihi 8.5 %. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pengurus-pengurus dana yang dilantik oleh KWSP adalah terdiri daripada pengurusan dana yang berwibawa dan mempunyai dengan izin 'trek record'

yang cemerlang. Keupayaan KWSP mengisytiharkan kadar dividen tahunannya adalah bergantung kepada pendapatan KWSP. Pendapatan tahunan KWSP perlu ditentukan oleh struktur lokasi eset pulangan daripada pelaburan sekuriti kerajaan Malaysia, arah aliran kadar faedah dan trend pasaran saham. Sebahagian besar iaitu kira-kira 90% pelaburan KWSP adalah dalam instrument berbentuk faedah.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat kadar antara bank adalah dalam lingkungan 5.4% hingga 6.8%. Oleh itu kadar dividen yang diisytiharkan selama ini adalah yang terbaik dan mampu dibayar oleh KWSP. Saya ingin tegaskan sekali lagi iaitu kadar dividen yang diisytiharkan oleh KWSP tidak boleh melebihi keupayaan pendapatannya.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Ismail supaya satu sistem tabungan baru diwujudkan untuk melindungi golongan berpendapatan rendah tidak tetap adalah dirasakan langkah ini tidak perlu buat masa ini, memandangkan skim-skim tabungan yang sedia ada adalah mencukupi untuk melindungi orang ramai sekiranya mereka berminat dan mengamalkan tabiat menabung. Malahan kerajaan pada ketika ini sedang berusaha untuk menggalakkan rakyat Malaysia secara menyeluruh untuk menabung demi kesejahteraan masa depan mereka melalui kempen-kempen di pelbagai peringkat dan juga penyebaran maklumat tentang faedah dan kepentingan menabung.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sekiranya terdapat isu-isu yang tidak sempat saya memberi maklum balas dalam Dewan yang mulia ini izinkan saya tegaskan di sini bahawa semua perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian Kewangan telah pun diambil perhatian oleh kementerian saya. Sekian.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat, saya menjemput Kementerian Pengangkutan menjawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan perhatian yang mendalam ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas kementerian pengangkutan. Kementerian ini memang menghargai semua pandangan dan teguran yang telah dikemukakan semasa perbahasan di dalam Dwan yang mulia ini. Segala perkara yang telah pun dibangkitkan akan diberikan perhatian yang sepenuhnya dan tindakan yang wajar akan diambil mana berkenaan.

Saya mohon izin untuk memberi penjelasan secara ringkas dalam masa yang terhad ini berhubung dengan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan. Terutama sekali Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan telah membangkitkan sama ada undang-undang yang sedia ada tidak membolehkan pihak JPJ dan polis menyaman kenderaan yang membawa muatan ataupun penumpang berlebihan yang berhenti di tepi jalan apabila ada sekatan atau pemeriksaan JPJ atau polis di hadapan. Saya ingin menjelaskan bahawa di sini perundangan yang sedia ada memang membolehkan seseorang pemandu disaman sekalipun kenderaan tersebut berhenti di tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan supaya pihak JPJ memastikan keselamatan lori hantu di kawasan-kawasan pembinaan, suka saya memaklumkan bahawa lori-lori hantu yang berada di kawasan pembinaan yang merupakan kawasan persendirian tidak diwajibkan menjalani pemeriksaan 'road worthiness' dengan izin.

Yang Berhormat Datin Hajah Ramlah telah mencadangkan supaya kementerian pengangkutan membuat kajian secara teliti untuk mengatasi masalah telefon bimbit dalam kereta agar peraturan yang sedia ada tidak ditempelak. Suka saya memaklumkan bahawa

kementerian melalui agensi-agensi penguatkuasa seperti pihak polis dan JPJ akan meningkatkan lagi penguatkuasaan ke atas pengguna telefon bimbit semasa memandu.

Dalam pada ini sukacita saya meminta orang awam melaporkan kepada pihak agensi penguatkuasa jika ada pemandu yang menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah membangkitkan mengenai isu rasuah di kalangan kakitangan PUSPAKOM dan meminta kementerian mengkaji supaya tempoh pemeriksaan sesebuah kenderaan dipendekkan. Suka saya memaklumkan bahawa sehingga kini kementerian ataupun JPJ walaupun tidak menerima sebarang aduan secara bertulis mengenai gejala rasuah yang berlaku di PUSPAKOM tetapi didapati gejala rasuah memang dipraktikkan di sesetengah pusat. Walau bagaimanapun JPJ telah mula menjalankan pemerhatian dan pemeriksaan mengejut ke PUSPAKOM dari masa ke semasa untuk memastikan pemeriksaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM menepati tahap dan mutu yang telah ditetapkan.

Kementerian mengambil perhatian ke atas cadangan Yang Berhormat supaya tempoh pemeriksaan sesebuah kenderaan dipendekkan dan JPJ akan membuat kajian mengenai cadangan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah mencadangkan pula supaya kerajaan memperluaskan perkhidmatan kereta api laju ke seluruh negara bukan hanya terhad ke destinasi tertentu sahaja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan sedang mempunyai rancangan untuk mengadakan perkhidmatan kereta api laju ke seluruh negara.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti dayamaju projek, kos pelaksanaan projek dan juga jumlah penumpang dilaluan laluan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman telah menyarankan supaya pihak MAB yang bertanggungjawab mengurus Lapangan Terbang Sepang hendaklah segera memberi latihan kepada kakitangannya sebelum KLIA memulakan operasi. Sebarang tender yang dikeluarkan hendaklah mengenakan syarat supaya melatih tenaga mahir. Pihak swasta hendaklah bersedia dengan tenaga kerja yang mahir.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat dari Wilayah Persekutuan telah pun diambil kira dan pelaksanaan projek Lapangan Terbang baru Kuala Lumpur-Sepang semua syarat-syarat yang diperlukan dalam latihan tenaga mahir untuk KLIA telah pun dimasukkan dalam tender sebelum ia dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, 'seat factor' iaitu bagi MAS bagi tempoh April 1996 hingga Mac 1997 bagi sektor Semenanjung Malaysia dan Sarawak adalah 76.2% dari jumlah 1,487,237 tempat duduk yang disediakan bagi tempoh tersebut hanya sebanyak 1,132,905 digunakan. Walau bagaimanapun, bagi penerbangan dan masa-masa tertentu 'seat factor' adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, secara am sistem pengangkutan udara dan kadar tambang bagi sektor Semenanjung Malaysia dan Sarawak adalah efisien dan ekonomik. Selain daripada syarikat penerbangan berjadual, kerajaan juga menggalakkan supaya syarikat-syarikat penerbangan tidak berjadual ataupun dalam perkataan lain, syarikat-syarikat yang mempunyai permit charter mengadakan perkhidmatan terutama sempena masa-masa perayaan dan cuti sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAS telah pun menyediakan beberapa tambang khas bagi perjalanan di antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Bagi tambang-tambang khas ini, penumpang boleh memperolehi diskaun di antara 7% hingga 50%. Buat masa ini MAS tidak ada cadangan untuk menaikkan potongan 25% tambang yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan isteri-isteri.

Saya berharap saya telah menjawab segala teguran dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Saya memberi jaminan iaitu jika terdapat apa-apa perkara yang masih tidak dijawab, ianya akan diambil catatan dan akan diberi perhatian yang sewajarnya dan jika perlu tindakan akan diambil. Sekian, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Kementerian Kerja Raya menjawab.

**4.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah membangkitkan beberapa perkara seperti berikut:-

- (i) kesan kenaikan tol di Lebuhraya Utara-Selatan kepada pengguna;



- (ii) mengadakan lorong-lorong khas motosikal di lebuh-lebuh raya utama bagi menjamin keselamatan penunggang-penunggang motosikal;
- (iii) kerja-kerja membaiki sistem bekalan air dirancang dengan lebih teliti supaya tidak menyusahkan pengguna dengan memberi notis lebih awal; dan
- (iv) tiadanya koordinasi yang teratur antara agensi-agensi yang menyebabkan jalan-jalan menjadi rosak akibat dikorek oleh agensi-agensi seperti TNB, JBA dan Telekom untuk kerja-kerja pemasangan paip air atau kabel elektrik dan Telekom.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenaikan kadar tol, saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa tarif dan kadar kenaikan tol memang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan bahawa kenaikan tol ini bukanlah suatu perkara yang boleh dilaksanakan secara sewenang-wenangnya oleh syarikat konsesi. Ia perlu dirunding dan diluluskan dahulu oleh kerajaan.

Kenaikan kadar tol secara berperingkat yang telah diluluskan oleh kerajaan berkuatkuasa mulai 1hb. September 1996 dibuat setelah mengambil kira kesan-kesan dan beban kenaikan kepada pengguna, beban kewangan yang ditanggung oleh pihak PLUS untuk membayar balik pinjaman daripada institusi-institusi kewangan dan hasil kutipan tol semasa berbanding dengan yang diramalkan.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat membuat penelitian, sebenarnya kenaikan kadar tol berkenaan adalah lebih rendah berbanding dengan kadar

yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Sebagai contoh, unit tol bagi kenderaan kelas 1 iaitu kereta untuk tempoh tiga tahun mulai 1996 - 1998 adalah seperti berikut:-

| <u>1996</u>              | <u>1997</u> | <u>1998</u> |
|--------------------------|-------------|-------------|
| <u>(sen sekilometer)</u> |             |             |
| 9.0                      | 10.5        | 11.24       |

Berbanding dengan kadar yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi iaitu:-

| <u>1996</u>              | <u>1997</u> | <u>1998</u> |
|--------------------------|-------------|-------------|
| <u>(sen sekilometer)</u> |             |             |
| 10.0                     | 10.6        | 11.24       |

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tol pada kadar yang minimum tidaklah membebankan pengguna-pengguna kenderaan persendirian dan perniagaan kerana golongan pengguna ini dianggap sebagai golongan yang berkemampuan. Bagi kenderaan awam pula, kadar tol tidak dinaikkan, ini adalah untuk menghalang syarikat-syarikat pengangkutan awam daripada menaikkan kadar tambang yang mana akhirnya akan membebankan para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan kemalangan jalan raya di kalangan penunggang motosikal, lorong motosikal berasingan telah disediakan semasa pembinaan lebuhraya-lebuhraya seperti Lebuhraya Persekutuan Dua, Lebuhraya Kulim-Butterworth dan Lebuhraya Shah Alam. Selain daripada itu, sebanyak RM9.85 juta telah diperuntukkan pada tahun 1996 bagi kerja-kerja melebar dan menaiktaraf serta melebarkan bahu jalan sepanjang 500 kilometer untuk kegunaan motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya berhasrat memperuntukkan lorong khas untuk penunggang-penunggang motosikal di sebanyak mungkin jalan-jalan utama dan lebuhraya supaya kemalangan melibatkan motosikal dapat dikurangkan. Walau

bagaimanapun, lorong khas terpaksa dibina mengikut keutamaan jalan-jalan dan lebuh raya berasaskan kriteria-kriteria seperti berikut:-

- (a) Peratusan motosikal yang menggunakan lebuh raya/jalan raya;
- (b) Bilangan isipadu kenderaan;
- (c) Tahap kelajuan kenderaan;
- (d) Kelas dan lokasi jalan;
- (e) Kadar kemalangan yang melibatkan motosikal;
- (f) Kos pembinaannya; dan
- (g) Masalah perolehan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gangguan bekalan air, pada lazimnya adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti kerja-kerja penyelenggaraan loji air, kerja-kerja pengalihan paip disebabkan oleh projek-projek pembangunan yang lain atau sambungan ke paip utama untuk menambah bekalan air ke kawasan-kawasan baru.

Sepertimana yang saya pernah jelaskan dalam Dewan Rakyat, pihak Jabatan Bekalan Air memang ada memberi notis terlebih dahulu melalui media massa iaitu surat khabar ataupun radio. Biasanya tempoh gangguan bagi sesuatu kawasan adalah secara am sahaja disebabkan masalah bentuk muka bumi di mana kawasan yang tinggi akan pertama mengalami kekurangan air dan apabila bekalan pulih kembali, kawasan yang tinggi akan mendapat bekalan air lebih lewat daripada kawasan-kawasan yang rendah. Apabila gangguan air berlaku, lori-lori Jabatan Bekalan Air ada menyediakan bekalan standby, dengan izin, khasnya untuk kawasan-kawasan kritikal atau melebihi suatu tempoh berpanjangan yang ditimbangkan oleh Jabatan Bekalan Air secara case by case, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jalan-jalan rosak akibat kerja-kerja pengorekan jalan oleh agensi-agensi tertentu, suka saya menjelaskan bahawa kerajaan iaitu Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan garis panduan mengenai pengalihan dan penanaman semula kemudahan awam dalam rizab jalan JKR. Garis panduan ini telah berkuatkuasa mulai 22hb. Jun 1996. Agensi-agensi yang bertanggungjawab ke atas kemudahan awam iaitu seperti TNB, Telekom dan Jabatan Bekalan Air perlu mematuhi garis panduan ini apabila hendak melakukan kerja-kerja membaikpulih kemudahan awam.

Di samping itu, peraturan yang lazim digunakan ialah melalui arahan teknik JKR iaitu (Jalan) 4/85 iaitu mengenai permohonan bagi pemasangan kemudahan awam di jalan-jalan Persekutuan. Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi di bawah arahan ini ialah agensi-agensi dikehendaki membaiki semula kerosakan yang berlaku ke atas jalan-jalan yang terlibat.

Jika kerja-kerja pembaikan jalan yang terbabit dilakukan oleh JKR, kos pembaikannya akan dituntut dari agensi berkenaan. Pada lazimnya, bagi menjamin supaya pihak agensi menjalankan kerja-kerja baik pulih dengan sempurna, JKR akan meminta pihak agensi mengemukakan wang cagaran sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong membangkitkan mengenai kemungkinan jalan alternatif dikenalan tol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mengkaji dan menimbangkan dasar mengenai penswastan jalan atau lebuhraya bertol dan penyediaan jalan alternatif bagi mereka yang tidak mahu membayar tol. Jika terdapat jalan-jalan yang sedia ada yang perlu dinaiktaraf atau dilebarkan dengan implikasi kewangan besar, maka kerajaan mungkin menswastakan pembinaan jalan-jalan tersebut. Ini bermakna tol akan dikenakan ke atas jalan-jalan yang

terlibat. Kerajaan ingin mengingatkan bahawa beberapa jalan yang sedia ada perlu dinaiktaraf dan dilebarkan untuk mengelakkan kemalangan dan untuk keselamatan orang ramai. Dalam pada itu, jika jalan alternatif tidak dapat disediakan, jalan-jalan yang telah dinaiktaraf dan dilebarkan akan dikenakan tol.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mencadangkan supaya Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak ditambah had laju maksimum dari 80 kilometer sejam kepada satu had laju yang lebih munasabah memandangkan lebuhraya tersebut telah pun dinaiktarafkan kepada empat lorong hingga enam lorong.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak masih di dalam proses pembinaan dan penaiktaraf. Pada masa ini purata had lajunya ialah di antara 60 hingga 80 kilometer sejam. Apabila kerja-kerja tersebut siap, had laju tersebut akan dikaji semula dan mungkin dinaikkan kepada 90 kilometer sejam. Perlu dijelaskan di sini bahawa had laju bagi lain-lain lebuhraya tol bukan sahaja bergantung kepada rekabentuk geometri lebuhraya berkenaan, tetapi juga kepada tahap kelajuan yang dianggap dapat mengurangkan kemungkinan berlakunya kemalangan di atas jalan-jalan raya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyentuh berhubung dengan tugas Kementerian Kerja Raya sepanjang perbahasan. Sebarang perkara yang ditimbulkan dan tidak dijawab di sini akan diambil perhatian oleh Kementerian Kerja Raya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Kementerian Pendidikan menjawab.

**4.13 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan DiRaja dan telah membangkitkan pelbagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Ternyata minat yang semakin mendalam serta sokongan berterusan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kemajuan pendidikan negara dalam menghadapi cabaran Abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, isu gejala sosial di kalangan pelajar mendapat perhatian dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Dalam menangani masalah ini, Kementerian Pendidikan menggunakan pendekatan secara berhati-hati dan sentiasa bersikap terbuka terhadap teguran dan pandangan masyarakat. Kita perlu menerima hakikat banyak faktor yang menyumbang berlakunya masalah sosial termasuk juga isu penyalahgunaan dadah.

Justeru, jalan penyelesaiannya juga tidak seharusnya dibebankan semata-mata kepada Kementerian Pendidikan dan para pendidik di sekolah sahaja. Adalah kurang tepat untuk menyatakan bahawa gejala sosial disebabkan kegagalan sistem pendidikan sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat rakan saya Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Dalam konteks ini, saya amat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Puan Seri Sarasa Pasamanickam, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Tan Swee Hueng, Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim, Yang Berhormat Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop, Yang Berhormat Puan Hajah Khadijah binti

Haji Awang, Yang Berhormat Tuan Charern Intachat dan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno dan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin.

Mengenai perlunya hubungan baik dan budaya saling menghormati di antara pelajar, guru, ibu bapa dan seterusnya masyarakat. Semua ahli masyarakat perlulah memainkan peranan mendidik serta mengukuhkan nilai-nilai murni yang telah ditetapkan di sekolah.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali dan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran agar dipertingkatkan kesedaran ibu bapa. Kementerian Pendidikan memang mengalu-alukan kerjasama bukan sahaja dengan ibu bapa malah pihak lain termasuk pertubuhan masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan dan juga pihak polis, contohnya PIBG boleh meluaskan skop peranan mereka seperti mengadakan seminar keibubapaan. Kementerian Pendidikan sedang mengkaji semua peraturan serta fungsi PIBG agar sesuai dengan perubahan-perubahan semasa.

Mengenai perlunya guru mempunyai kemahiran bimbingan dan kaunseling, suka saya nyatakan bahawa guru-guru dalam perkhidmatan ditawarkan melalui 2 program iaitu Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK) dan Kursus Peningkatan Profesionalisma (KPP) selama 14 minggu.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Kementerian Pendidikan mempunyai pendekatan sendiri untuk mengatasi masalah gejala sosial di kalangan pelajar. Antaranya memberi nasihat, amaran atau memaklumkan serta memanggil ibu bapa ataupun penjaga untuk berbincang, khidmat kaunseling secara berterusan, program-program pendidikan, pencegahan dadah serta menubuhkan jawatankuasa pencegahan dadah peringkat sekolah, daerah dan negeri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan polis telah menubuhkan Jawatankuasa Disiplin dan Permuafakatan bagi membanteras masalah sosial di kalangan pelajar. Saya berpendapat tidaklah perlu mengadakan lawatan ke Thailand semata-mata untuk mencontohi disiplin pelajar di negara tersebut sebagaimana yang disyorkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno.

Mengenai hukuman ‘merotan’ seperti yang dicadangkan, suka saya menyatakan bahawa sebenarnya telah dilaksanakan di sekolah. Pada masa ini hanya pengetua diberi kuasa ‘merotan’ dan pengetua juga boleh memberi kuasa kepada guru disiplin ‘merotan’ pelajar yang melanggar peraturan disiplin.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ‘merotan’ sebagai tindakan mengawal disiplin, saya amat bersetujulah dengan pengumuman dan apa yang telah disebutkan oleh Dato’ Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya adalah salah seorang Pengerusi PIBG dalam sebuah sekolah. Saya telah berbincang dengan guru besar sekolah dan guru besar telah memberi pandangan kepada saya bahawa kebanyakan guru ataupun guru besar enggan ‘merotan’ kerana Akta Pendidikan sebenarnya tidak melindungi guru-guru yang merotan anak murid ini. Akta itu sendiri bukan tidak membenarkan, tetapi tidak ada sesuatu pun yang akan melindungi guru besar jika sekiranya guru besar dipertanggungjawabkan di mahkamah. Oleh yang demikian, arahan bagaimanakah dan apakah yang akan melindungi mereka ini, sebab itu mungkin mereka enggan untuk melakukan tindakan merotan. Terima kasih.



**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan dan menarik perhatian semua guru besar bahawa kuasa untuk menggunakan rotan atau merotan murid ini terkandung dalam sebuah buku yang telah lama diedarkan kepada semua guru besar. Cuma sama ada implikasi undang-undang untuk mempertahankan tindakan itu, saya fikir boleh dihadapi melalui peruntukan-peruntukan lain yang ada baik di dalam peraturan-peraturan yang telah kita sediakan ataupun fasal-fasal yang tertentu, yang kedapatan dalam Akta Pendidikan itu sendiri. Saya percaya kalau sekiranya perkara-perkara ini diteliti dengan betul, guru-guru besar tidak patut bimbang, tidak patut ragu untuk melaksanakan apa juga keputusan yang mereka fikirkan munasabah dan sesuai bila sampai masa hendak membuat keputusan sama ada hendak merotan ataupun tidak seseorang murid yang didapati melakukan sesuatu kesalahan. Tetapi walaupun begitu saya akan cuba teliti perkara ini di peringkat kementerian dan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai sekiranya ada keperluan yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baهران, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah membangkitkan wujudnya perbezaan kemudahan asas di antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar.

Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Pendidikan memang mempunyai hasrat untuk menggerakkan semua sekolah ke arah kecemerlangan dan ini bermakna perlu disediakan kemudahan asas. Walau bagaimanapun, untuk menyediakan semua kemudahan asas tersebut dalam tempoh yang singkat memerlukan kos yang tinggi. Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan dan strategi tertentu terutama bagi sekolah yang tidak mempunyai prasarana seperti bekalan elektrik

dan air. Pelaksanaan sekolah konsep model Baling yang menempatkan murid-murid Tahap I beberapa buah sekolah rendah dan juga sekolah menengah di sesebuah sekolah induk, dianggap strategi terbaik, kerana bukan sahaja menjimatkan kos, tetapi juga dalam masa yang sama dapat meningkatkan penggunaan peralatan tersebut dan lebih ramai pelajar berpeluang memanfaatkannya. Langkah ini juga akan menyelesaikan masalah sekolah di luar bandar yang mempunyai bilangan pelajar yang kecil sepertimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Ting Chee Sii.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin telah menimbulkan bilangan tapak sekolah yang diwartakan dan tapak sekolah yang diubah untuk tujuan komersial. Bilangan tapak sekolah yang diwartakan di seluruh negara ialah sebanyak 10,002, jumlah ini dijangka mencukupi sehingga tahun 2000.

Saya ingin menjelaskan mengenai kawasan di sebelah Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang. Sebenarnya kawasan tersebut adalah kawasan perumahan dan penyediaan tapak sekolah dibuat oleh pihak berkuasa tempatan. Kementerian Pendidikan merancang membina sebuah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah di kawasan berkenaan. Tetapi sehingga kini pihak pemaju belum menyerahkan tapak kepada pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan yang berterusan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kebajikan keluarga guru. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Kamelia binti Ibrahim, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno dan Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng skim perkhidmatan bagi guru-guru siswazah dan bukan Siswazah adalah setara dengan lain-lain skim perkhidmatan yang setaraf dengannya dalam perkhidmatan kerajaan. Gaji Pegawai Perkhidmatan Pendidikan telah

disemak semula berkuatkuasa mulai 1.1.1995, di mana kerajaan telah bersetuju imbuhan tetap perumahan dipanjangkan kepada semua anggota perkhidmatannya. Namun begitu Kementerian Pendidikan sedar berlakunya persaingan untuk mendapatkan calon-calon yang memiliki keputusan akademik yang tinggi untuk memasuki institusi ataupun maktab perguruan dengan IPT yang lain, juga sektor swasta yang menawarkan ganjaran yang lebih lumayan. Dengan adanya Program Diploma Perguruan Malaysia, terdapat pertambahan jumlah permohonan ke institusi ataupun maktab perguruan. Sepertimana Ahli Yang Berhormat semua maklum kerajaan juga sedang mengkaji semula struktur gaji perkhidmatan awam termasuk guru.

Masalah kekurangan rumah guru, kurang kemudahan asas dan kadar sewa yang tinggi telah disentuh oleh Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim dan Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii. Sukacita dinyatakan masalah perumahan guru diberi keutamaan terutama di luar bandar dan di pedalaman. Kwarters guru juga akan dibina di bandar-bandar terpilih yang mempunyai kadar sewa yang tinggi. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 99,370 buah unit guru sedang dirancang pembinaannya dan di kawasan kritikal sebanyak 4,529 unit rumah guru sedang dan akan dibina dengan kadar yang segera.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno, guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman ataupun terpencil dibayar elaun insentif pedalaman iaitu 10% daripada gaji pokok bulanan mereka. Bagi negeri Sabah dan Sarawak syarat untuk guru di kawasan pedalaman ialah kawasan berkenaan perlulah diwartakan sebagai kawasan pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim, Kementerian Pendidikan memang seboleh mungkin menempatkan guru-guru di kawasan luar bandar

mengikuti keperluan mata pelajaran. Masalah yang timbul ialah guru-guru memohon pertukaran terutama di kalangan guru wanita yang sudah berumahtangga.

Mengenai kekurangan guru bahasa Cina di Sarawak, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii, Kementerian Pendidikan menghadapi masalah kekurangan permohonan mengikuti latihan perguruan pengkhususan bahasa Cina untuk sekolah menengah. Hanya sebilangan kecil sahaja yang memohon melalui Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan tidak mencukupi untuk membuka sebuah kelas. Untuk mengatasi masalah ini guru bahasa Cina yang sedia ada di sekolah rendah yang berkelayakan digalakkan melanjutkan pelajaran ke universiti di samping mengambil semula guru bersara genap perkhidmatan 55 tahun sebagai guru kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba dan Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim telah menyentuh perlunya diperkukuhkan pendidikan agama dan moral di sekolah. Kementerian Pendidikan bersetuju bahawa penerapan pendidikan agama perlu diselaraskan dari peringkat awal dan sebaik-baiknya bermula di rumah semasa anak-anak di bawah pengawasan ibu bapa sepenuhnya. Perlu dinyatakan bahawa kurikulum Pendidikan Islam telah disemak semula dan telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah dan insya-Allah akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1998 ataupun tahun hadapan.

Begitu juga dengan pendidikan moral, penilaian ke atas pengajaran dan pembelajaran yang meliputi isi dan huraian kandungan mata pelajaran tersebut dilakukan dari masa ke semasa. Pemantapan kurikulum ini diharap dapat membantu mengatasi masalah gejala sosial, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba juga, Kementerian Pendidikan tidak sewenang-wenangnya menukar kurikulum yang sedia ada apabila Sekolah Bistari diperkenalkan. Apa yang dilakukan ialah mengubahsuai mengikut perubahan dan perkembangan semasa. Kita masih menggunakan KBSR dan KBSM, tetapi diubahsuai dengan memberi tumpuan kepada perkembangan dan persediaan ke arah abad ke-21. Sesuai dengan ini Program Komputer Dalam Pendidikan (KDP) akan diperluaskan ke seluruh negara. Adalah menjadi matlamat kementerian ini agar dalam tahun 2000 semua sekolah rendah dan menengah akan dibekalkan komputer bagi menjayakan program tersebut iaitu Program Komputer Dalam Pendidikan.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim juga telah membangkitkan perlunya penekanan terhadap pencapaian pelajaran dalam sains dan matematik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gerak gempur sains dan matematik sebenarnya satu kempen yang bertujuan memberi kesedaran kepada guru bahawa keupayaan pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan boleh dipertingkatkan ke tahap optimum. Guru-guru seharusnya mencari strategi yang sesuai demi meningkatkan penguasaan pelajar. Konsep, matlamat dan peranan Sekolah Bistari adalah cukup jelas iaitu untuk mengoptimumkan hasil pengajaran dan pembelajaran iaitu penguasaan kemahiran berfikir di kalangan pelajar.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan sistem persekolahan yang menggunakan satu bahasa pengantar sahaja. Perlu dinyatakan bahawa dasar tentang bahasa pengantar dalam sistem persekolahan kita sebenarnya telah dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin masyarakat yang telah mengasaskan negara ini. Pokoknya, bahasa pengantar utama ialah bahasa Melayu. Bahasa Cina dan bahasa Tamil boleh digunakan sebagai bahasa pengantar di peringkat rendah, manakala bahasa Arab boleh digunakan di sekolah-sekolah agama.

Kementerian Pendidikan memang amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba agar semua jenis sekolah diletakkan di bawah satu bumbung untuk memupuk perpaduan. Untuk maksud tersebut, Kementerian Pendidikan memperkenalkan Sekolah Wawasan yang berkonsepkan murid-murid daripada pelbagai aliran belajar bersama-sama di bawah satu bumbung atau di dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum dan agama. Murid-murid dari sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil akan berkongsi kemudahan dan menjalankan aktiviti bersama dan ini kita percaya dapat memantapkan integrasi antara kaum.

Bagi menjelaskan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Abdillah bin Abdul Rahim mengenai kelas langkau, perlu dinyatakan bahawa murid-murid yang berjaya melangkau dari Tahun Tiga ke Tahun Lima ditempatkan di sekolah yang sama. Murid-murid ini juga tidak ditempatkan dalam kelas khas sebaliknya ditempatkan bersama-sama murid lain di Tahun Lima. Guru yang mengajar juga adalah guru terlatih di sekolah tersebut dan kerana bilangan murid dalam kategori ini tidak ramai, tidak perlu tambahan terhadap kemudahan fizikal di sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat kekeliruan mengenai konsep pengkorporatan dan penswastan institusi pengajian tinggi awam. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba dan Tuan Haji Sairin bin Karno, perlu dijelaskan bahawa kerajaan tidak pernah bercadang untuk menswastakan IPT awam, sebaliknya setakat ataupun sekadar mengkorporatkan pengurusan IPT awam supaya lebih responsif kepada perubahan semasa. Di samping itu kerajaan membenarkan penubuhan IPT swasta sebagai pelengkap ke arah menambahkan peluang pendidikan di peringkat tinggi dan hasrat menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan

sejagat. Memang Kementerian Pendidikan sedar bahawa bilangan pelajar bumiputera di IPT swasta masih kecil iaitu lebih kurang 5% sahaja. Justeru itu, tabung pendidikan tinggi nasional yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan insya-Allah akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini, akan membuka peluang kepada pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran di IPT swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, tabung tersebut juga akan memberi kemudahan pinjaman kepada semua pelajar ijazah pertama di IPT awam dan swasta untuk membiyai yuran pengajian, kos sara hidup serta pembelian peralatan. Mekanisme cara pinjaman dan pembayaran akan dihalusi setelah Lembaga Pengurusan Perbadanan Tabung tersebut dibentuk kelak.

Mengenai kebimbangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali iaitu tawaran kemasukan ke universiti terlalu singkat dan ini membebankan ibu bapa membuat persiapan, adalah diharapkan masalah ini untuk jangka pendek sahaja. Untuk jangka panjang, sukacita dimaklumkan tabung pendidikan nasional juga akan dilengkapi dengan satu skim simpanan pelajar di peringkat sekolah untuk mewujudkan budaya menabung. Dengan cara itu pelajar akan lebih bersedia dari segi kewangan apabila ditawarkan memasuki universiti.

Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat dan Yang Berhormat Sri Sarasa Pasamanickam telah menyarankan agar peluang yang lebih banyak untuk melatih pelajar dalam bidang teknologi maklumat bagi menghadapi era Koridor Raya Multimedia. Dalam konteks ini IPT awam di negara ini memang digalakkan memperluaskan bidang berkaitan. Di samping itu, IPT swasta yang menawarkan bidang ini akan diberi keutamaan. Contohnya, penubuhan Universiti Telekom. Walau bagaimanapun,

penubuhan sesuatu IPT swasta perlu mengikut peruntukan undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan agar pendidikan yang berkualiti dapat dibekalkan sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim, walaupun tempoh pengajian di peringkat Ijazah termasuk kursus kejuruteraan dipendekkan, suka saya jelaskan bahawa Kementerian Pendidikan tidak ada kompromi dari segi kualiti. Kursus-kursus teras dan latihan praktikal akan berjalan seperti biasa dan yang dikurangkan ialah kursus-kursus elektif sahaja.

Mengenai penggunaan bahawa Melayu di IPTS ataupun IPT swasta sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, mengikut Rang Undang-undang IPTS 1996, semua IPTS dikehendaki mengendalikan kursus di dalam bahasa kebangsaan kecuali mendapat pengecualian daripada Yang Berhormat Menteri.

Berhubung pemansuhan kursus matrikulasi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hajah Rahaiah, suka saya nyatakan bahawa cadangan tersebut masih dalam kajian dan sekiranya diterima, ada kaedah lain ataupun cara lain yang akan digunakan agar peluang pelajar bumiputera memasuki institusi pengajian tinggi tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Chet Singh kanak-kanak yang kurang bernasib baik seperti cacat penglihatan dan pendengaran memang tidak diabaikan untuk diberikan pendidikan. Setakat ini Kementerian Pendidikan mempunyai 28 buah sekolah rendah dan 3 buah sekolah menengah yang menawarkan pendidikan khas untuk anak-anak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan.....



**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada minta laluan.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi pihak kementerian ada mengatakan bahawa 28 sekolah rendah yang ada peruntukan untuk murid-murid, gifted child or is it cacat? Satu. Saya hendak tahu sama ada ini adalah mencukupi dan berapa sebenarnya ratio yang telah dapat dipenuhi oleh pihak kementerian buat masa ini?

Dan untuk penjelasan ialah berapa buahkah IPTS yang kini sedang berjalan yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi tersebut? Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, angka ataupun bilangan yang saya sebut itu tadi adalah merupakan sekolah-sekolah untuk menampung kanak-kanak seperti yang saya katakan tadi, yang mengalami cacat penglihatan dan pendengaran dan kita ada lagi program untuk menambah bilangan tersebut. Saya minta maaf tidak dapat hendak memberikannya sekarang tetapi dalam program Rancangan Malaysia Ketujuh ada penambahan yang kita berikan dan kita tidak mewujudkan sebarang ratio dalam menampung keperluan murid-murid yang mengalami ataupun kurang bernasib baik ini tetapi kita menempatkan murid-murid ini bersama-sama dengan murid-murid yang lain mengikut kekurangan-kekurangan yang dialami oleh seseorang murid itu.

Yang keduanya tentang bilangan IPTS yang menggunakan bahasa Melayu ataupun Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Sekarang ini terdapat lebih daripada 300 buah IPTS di negara kita ini dan banyak lagi permohonan yang sedang kita terima dan yang menggunakan bahasa Melayu ataupun Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa

pengantar masih belum ada. Mereka itu semua mendapat pengecualian daripada Yang Berhormat Menteri untuk menggunakan bahasa Inggeris untuk sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai beberapa perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya sedar mungkin terdapat beberapa perkara lagi yang tidak sempat saya jelaskan di sini. Perkara-perkara tersebut akan diberi perhatian dan akan diambil tindakan sewajarnya.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan berterusan, teguran membina dan pandangan positif kepada Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dijemput Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menjawab.

**4.43 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membangkitkan perkara-perkara mengenai Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Salah satu isu yang telah dibahas dan dibincangkan di Dewan yang mulia ini adalah berkaitan dengan kenaikan kadar tarif Tenaga Nasional Berhad (TNB). Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa sebelum sesuatu keputusan seumpama ini diambil, kerajaan telah dan akan membuat pertimbangan yang mendalam

dengan mengkaji alternatif-alternatif lain yang boleh dipilih sebelum membuat keputusan untuk menaikkan kadar tarif.

Kenaikan tarif TNB yang telah diluluskan oleh kerajaan baru-baru ini didapati munasabah dan perlu untuk menentukan supaya TNB dapat membiayai perbelanjaan yang besar yang diperlukan bagi meningkat dan membangunkan infrastruktur bekalan elektrik.

Izinkan saya untuk menjelaskan di sini mengenai isu berkaitan dengan keuntungan TNB yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat. Walaupun TNB sudah diswastakan, kerajaan bertanggungjawab menentukan supaya ia adalah viable agar ia boleh terus membekalkan elektrik secara berterusan. Sekiranya TNB mempunyai masalah kewangan dan mengalami kerugian, keupayaannya dari segi ini akan terjejas dan negara juga yang akan rugi sekiranya elektrik tidak dapat dibekalkan kepada pengguna-pengguna yang memerlukannya. Infrastruktur bekalan elektrik di Malaysia perlu diperluaskan untuk memenuhi permintaan yang meningkat, bukan sahaja di kawasan yang telah membangun tetapi juga kawasan-kawasan yang baru dibangunkan. Utiliti-utiliti seperti TNB perlu membelanjakan wang yang banyak bagi membangunkan infrastruktur tersebut.

Sumber-sumber pembiayaan bagi perbelanjaan ini adalah pinjaman dan dana dalaman (internally generated fund) hasil dari keuntungan. Adalah tidak berkemungkinan bagi TNB membiayai perbelanjaan ini seratus peratus daripada pinjaman. Sebahagian pembiayaan menerusi dana dalaman adalah juga diperlukan. Selain daripada itu, jumlah dan kadar faedah pinjaman yang boleh diperolehi oleh TNB bergantung kepada viabilitinya. Jumlah pinjaman yang lebih besar dan kos pinjaman yang lebih rendah akan dapat diperolehi oleh TNB sekiranya kedudukan kewangannya adalah kukuh dan dengan

ini akan memberi impak yang baik kepada kos bekalan elektrik keseluruhannya pada masa yang akan datang.

Faedah dari segi kos yang munasabah ini akan dinikmati oleh pengguna-pengguna pada masa yang akan datang. Kerajaan juga sedar dan amat prihatin mengenai implikasi kenaikan kadar tarif ini ke atas rakyat. Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kedudukan negara dari segi kadar tarif purata tidak berapa terjejas kalau dibandingkan dengan tarif yang diamalkan di negara-negara jiran kita, di kalangan negara-negara Asia yang membangun dan maju dengan kenaikan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin dan Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat telah membangkitkan isu mengenai kadar sewa telefon bimbit yang dikenakan sebanyak RM60 sebulan. Untuk makluman Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat dan Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin, soalan mengenai kadar sewa telefon bimbit telah pun banyak kali dijawab dalam sesi Parlimen yang lalu. Kadar sewaan sebanyak RM60 telefon bimbit ini telah ditetapkan sebagai had maksimum pada bulan Jun, tahun yang lepas. Semua pengusaha telefon selular adalah digalakkan mengkaji semula kadar sewaan ini selaras dengan pasaran telefon selular yang kompetitif. Oleh itu, pengusaha-pengusaha telefon bimbit boleh menurunkan kadar sewaan ini sebagai strategi menarik lebih ramai pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan bahawa segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya nyatakan di sini satu demi satu akan diberi perhatian dan diambil tindakan selanjutnya oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dijemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab.

**4.48 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan usul Titah Ucapan DiRaja mengenai perkara-perkara yang ada kaitannya dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail menyarankan dalam usaha meliberalisasikan duti import, kerajaan mesti mendahulukan kepentingan pekilang tempatan sebelum sesuatu duti import itu diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kerajaan untuk mengkaji semua implikasi yang akan melibatkan pekilang-pekilang tempatan sebelum sesuatu pengurangan duti import dicadangkan. Sekiranya sesuatu pekilang tempatan masih menghadapi masalah akibat penurunan duti import, maka pekilang tersebut boleh memohon kepada jawatankuasa penasihat khas mengenai tarif yang akan mengkaji sesuatu permohonan dengan lebih terperinci.

Mengenai saranan Yang Berhormat agar kerajaan mengadakan usaha yang lebih giat lagi bagi menggalakkan industri tempatan dalam pembuatan alat-alat penjana elektrik (electricity generator), sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan sememangnya telah dan juga sedang menggalakkan industri tempatan dalam pembuatan ini dengan

menyediakan insentif seperti taraf perintis (pioneer status), elaun cukai pelaburan (investment tax allowance) kepada industri tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail juga telah mencadangkan usaha yang lebih perlu dilakukan untuk menggalakkan pembangunan industri di kawasan-kawasan yang kurang menjadi tumpuan pelabur seperti di Perlis dan di kawasan Pantai Timur Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang berusaha menggalakkan pembangunan industri di kawasan-kawasan yang kurang menjadi tumpuan pelabur. Untuk tujuan ini, kerajaan telah memperkenalkan satu pakej insentif untuk negeri-negeri koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pakej insentif ini adalah lebih baik daripada apa yang diberikan kepada kawasan-kawasan di luar koridor Pantai Timur tersebut, termasuk Sabah dan Sarawak. Di samping insentif-insentif di atas, kerajaan juga menyediakan kemudahan pinjaman tapak kilang bagi membiayai sebahagian daripada kos pembangunan infrastruktur supaya unit-unit yang dibina dapat dijual dengan harga yang berpatutan. Kemudahan-kemudahan ini terbuka kepada semua negeri. Penubuhan kawasan pembangunan segi tiga seperti, dengan izin, Indonesia- Malaysia-Thailand - Growth Triangle (IMT-GT) dan Indonesia-Malaysia-Singapore - Growth Triangle (IMS-GT) dijangkakan juga akan menggalakkan pembangunan industri di kawasan-kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas pandangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman bahawa WTO tidak perlu menyekat sesebuah negara menjadi ahlinya hanya kerana mereka tidak mengamalkan demokrasi ala-Amerika Syarikat dan melanggar hak asasi manusia, seperti mengamalkan pengambilan buruh bawah umur. Setakat ini WTO tidak memerlukan sesebuah negara yang bakal menjadi anggota baru WTO

mengadakan obligasi yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan piawaian buruh tertentu. Pada lazimnya dalam proses assession, dengan izin, atau penerimaan keahlian baru sebuah negara oleh WTO, negara tersebut dikehendaki melaksanakan obligasi asas yang serupa dengan anggota WTO yang lain. Obligasi tersebut adalah lebih tertumpu kepada aspek-aspek liberalisasi regim perdagangan, seperti pemberian konsesi potongan tarif, penghapusan sekatan-sekatan bukan tarif dan pelaksanaan peraturan-peraturan perdagangan WTO hasil daripada rundingan perdagangan pelbagai hala pusingan Uruguay.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Haji Sairin bin Karno agar ahli Parlimen Dewan Negara diberi keistimewaan mendapat approved permit atau AP daripada MITI secara automatik sepertimana yang telah diberikan kepada ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan kerajaan untuk memberi kemudahan satu AP untuk mengimport sebuah kereta persendirian buat masa ini hanya dihadkan kepada ahli-ahli Dewan Rakyat sahaja. Kemudahan ini hanya boleh digunakan sekali sepanjang tempoh perkhidmatan mereka di Dewan Rakyat.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan. Ahli Dewan Negara ini dipanggil Ahli Parlimenkah ataupun Ahli Dewan Negara sahaja? Jikalau dipanggil Ahli Parlimen, sepatutnya AP itu mestilah diberi juga kepada Ahli Dewan Negara. Kalau tidak, sebutlah Ahli Parlimen Dewan Rakyat sahaja ataupun Backbencher Dewan Rakyat sahaja. Sebabnya ramai orang yang bertanya sekarang ini, 'Bila Yang Berhormat hendak ambil AP'? Saya kata, 'Saya tidak hendak

ambil AP lagi, sebabnya belum tahu dapatkah atau tidak dapat'. Sekarang ini nampaknya jelaslah bahawa kami ini bukanlah Ahli Parlimen.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada itu soalan atau hendak beri pandangan. Tetapi seperti saya sebutkan tadi, keputusan untuk memberikan atau menawarkan AP kepada ahli-ahli Dewan Rakyat adalah keputusan Jemaah Menteri Kabinet. Ini bermakna kemudahan ini buat masa ini tidak dipanjangkan kepada ahli-ahli Dewan Negara berasaskan kepada keputusan tersebut. Tetapi, Ahli Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat yang dibuat ini, saya selaku Setiausaha Parlimen kepada MITI akan membawanya kepada pengetahuan Menteri untuk dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri. *[Tepuk]* Sebagai Setiausaha Parlimen, saya tidak berani beri syor yang lebih daripada itu. *[Ketawa]* Selepas Kabinet telah membuat keputusan nanti, saya sebagai Setiausaha Parlimen yang sentiasa setia dan sentiasa berusaha akan memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penjelasan yang ingin saya berikan. Saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas teguran-teguran dan pandangan yang telah dikemukakan. Perkara-perkara tersebut termasuklah perkara yang dibangkitkan mengenai AP akan diambil perhatian dan tindakan susulan akan diambil dengan sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Minta laluan?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Bukan minta laluan, ini hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan ataupun kemungkinan Tuan Yang di-Pertua akan menjawab bahawa tunggulah masanya, bila sampai kita buat keputusan. Tetapi saya



nampak jawapan kerajaan ini terlalu cepat dan banyak perkara yang kita bangkitkan dalam ucapan tidak dijawab dan kita ada dua hari untuk pihak kerajaan menjawab. Nampaknya sebelum pukul 6.00 ini semua habis dijawab, jadi apa akan jadi kepada masa selebihnya dan juga kepada hari Isnin? Adakah kerajaan hendak menjawab sekali lagi, perkara yang serupa dijawab lagi sekali sebab sudah tidak ada apa hendak dijawab? Sebab ada soalan-soalan saya tadi yang saya bangkitkan dalam ucapan saya tidak berjawab, tetapi saya tidaklah hendak menanyakan, sebabnya saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, keputusannya macam mana gaya? Terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut jadual yang ada, masa pada hari ini adalah mencukupi sebahagian daripada kementerian-kementerian untuk menjawab. Sekarang saya jemput Kementerian Pertanian menjawab.

**4.56 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:**  
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba telah mengingatkan bahawa dalam arus perkembangan ekonomi negara yang begitu pesat, sektor pertanian janganlah diabaikan. Beliau juga telah menyarankan bahawa negara tidak boleh terlalu bergantung kepada makanan yang diimport kerana sekiranya terjadi sesuatu yang menyebabkan bekalan terputus seperti peperangan, negara akan mengalami masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap masa depan sektor pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian sedang dalam proses mengkaji semula Dasar Pertanian Negara supaya ianya selari dengan arus perkembangan ekonomi negara yang begitu pesat. Dalam usaha untuk mengurangkan import, kerajaan akan terus memberi penegasan kepada pertanian secara komersial dan di antara lain akan memberi tumpuan kepada program membangunkan tanaman bernilai tinggi dan industri hiliran berasaskan pertanian. Ini bertujuan untuk menambah nilai kepada hasil pertanian di samping membantu petani-petani meningkatkan pendapatan mereka.

Berkenaan dengan pengeluaran makanan, ianya tidak akan diketepikan malahan penyelidikan untuk mendapatkan benih tanaman makanan sama ada padi atau bijirin lain serta sayur-sayuran dan buah-buahan akan terus dibuat. Cara penanaman dan teknologi serta pengurusan yang lebih cekap dan berkesan tetap akan diutamakan dalam konteks bilangan penduduk yang bertambah sedangkan tanah pertanian pula kian berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ding Seling menyatakan sektor pertanian adalah sektor yang menghasilkan bahan makanan dan bahan mentah untuk industri pembuatan. Justeru itu, pertanian negara mestilah dimajukan dan dimodenkan. Yang Berhormat juga telah menyarankan supaya kerajaan mengadakan ladang padi besar di Sarawak memandangkan kawasan padi di Semenanjung Malaysia semakin merosot.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat yang telah memberi keprihatinan beliau mengenai pembangunan sektor pertanian negara dan permintaan Yang Berhormat supaya kerajaan mengadakan ladang padi besar di Sarawak memandangkan kawasan padi di Semenanjung Malaysia semakin merosot. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab untuk membangunkan sektor pertanian khususnya sektor makanan yang meliputi tanaman makanan, ternakan dan perikanan. Kementerian Pertanian akan

menggunakan peruntukan sebanyak RM4.37 ribu juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh secara optimum untuk memastikan agar negara dapat mengeluarkan sumber makanan yang mencukupi untuk keperluan makanan dan bahan mentah untuk industri pembuatan negara.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat agar kerajaan juga memberi tumpuan untuk penanaman padi di negeri Sarawak ke arah menambahkan makanan negara pada tahun-tahun akan datang, saya akui bahawa cadangan Yang Berhormat ini adalah baik. Walau bagaimanapun, buat masa ini kerajaan menetapkan dasar pengeluaran padi berdasarkan tahap sara diri sekurang-kurangnya 65% dengan memberi tumpuan kepada 8 kawasan jelapang padi dan 72 kawasan sekunder (atau bukan jelapang) yang sedia ada. Namun demikian, kerajaan tiada halangan malah menyokong pihak swasta jika ingin melabur secara besar-besaran dalam tanaman padi di mana-mana negeri di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail menyatakan produktiviti sektor pertanian masih rendah. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya kerajaan meningkatkan subsidi bagi petani untuk memberi dorongan kepada petani meningkatkan lagi pengeluaran padi. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya sektor pertanian dimajukan melalui penswastaan dan agensi-agensi seperti LPP dan LKIM diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian memang menyediakan program untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian. Di antara program yang dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (a) meningkatkan infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan dan saluran, pencegahan banjir dan jalan-jalan ladang;
- (b) meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan untuk mendapatkan klon-klon tanaman yang lebih produktif serta tahan dari serangan penyakit; dan

- (c) menyediakan kemudahan atau perkhidmatan pengembangan, khidmat nasihat, kemudahan kredit pertanian dan ruang pasaran.

Berhubung dengan subsidi, kerajaan pada masa ini memberi subsidi kepada pesawah-pesawah padi dalam bentuk subsidi baja dan subsidi harga padi. Kerajaan memperuntukkan sebanyak lebih kurang RM80 juta bagi subsidi baja dan RM400 juta bagi subsidi harga pada tiap-tiap tahun. Jika diambil kira program pembangunan infrastruktur, pembekalan air dan lain-lain, bantuan yang diberi, jumlah insentif yang disediakan oleh kerajaan adalah lebih tinggi lagi. Baru-baru ini Kementerian Pertanian telah menerima syor daripada petani supaya menaikkan harga padi memandangkan harga pengeluaran telah meningkat. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi dalam kajian kerajaan. Kerajaan juga telah mengambil usaha untuk menarik lebih ramai pihak swasta terutamanya pihak perladangan untuk melabur dalam sektor pertanian.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk menswastakan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), kerajaan mengambil ingatan cadangan Yang Berhormat dan akan mengkaji perkara ini dengan teliti agar kepentingan kumpulan sasaran seperti petani, penternak dan nelayan tidak diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Hassan pula telah menimbulkan isu berkaitan aktiviti menuba ikan yang dianggap kegiatan ini adalah kurang sihat dan harus dibendung. Oleh itu, beliau berharap agar tindakan mengharamkan aktiviti menuba ikan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen 26 Akta Perikanan 1985, adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang untuk menggunakan racun, membawa atau memiliki racun, bahan letupan atau pencemar atau apa-apa perkakas yang menggunakan arus elektrik bagi

maksud membunuh atau menangkap ikan. Dengan itu, adalah jelas bahawa aktiviti menuba ikan diharamkan di bawah seksyen ini.

Di bawah Seksyen 38 akta tersebut, pihak kerajaan negeri atau bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Menteri Pertanian boleh membuat kaedah-kaedah secara khusus atau am bagi tujuan pengurusan dan pengawalseliaan yang sempurna ke atas perikanan darat. Bagi maksud tersebut, beberapa negeri di Semenanjung telah pun menguatkuasakan kaedah-kaedah perikanan sungai masing-masing di mana penggunaan racun termasuk tuba untuk menangkap ikan di sungai-sungai, tasik-tasik dan mana-mana kawasan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri diharamkan. Negeri-negeri ini termasuk Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak, Kedah, Perlis, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Barangkali Selangor dan Pulau Pinang akan mengambil tindakan serupa tidak lama lagi.

Sebagai satu langkah untuk memaklumkan kepada orang ramai tentang perkara ini, satu video sedang disediakan oleh Jabatan Perikanan tentang kepentingan sumber-sumber perikanan sungai kepada negara termasuk juga aktiviti yang tidak bertanggungjawab seperti menggunakan racun ataupun tuba untuk menangkap ikan. Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perikanan juga sentiasa meronda sungai-sungai dan tasik-tasik untuk mengawal dan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz Rahman telah mencadangkan satu lagi kerjasama pembangunan kawasan dengan negara-negara berjiran Malaysia di sebelah pantai Semenanjung Malaysia diwujudkan untuk mempertingkatkan kerjasama dalam bidang pertanian dan perikanan. Saranan Yang Berhormat tersebut akan diambil maklum dan pihak kementerian akan mengkaji perkara ini.

Dengan itu, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dijelaskan oleh pihak kementerian, bagi pihak kementerian akan memberi perhatian segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Y.B Dato' Zuki tadi, bagi pihak kementerian akan mengambil perhatian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian. Bagi perkara-perkara yang dibangkitkan dan tidak sempat dijawab, saya akan menentukan supaya perkara-perkara tersebut diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dijemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjawab.

**5.08 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee yang telah menyentuh perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja.

Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee telah membangkitkan isu berkenaan harga ke atas barang-barang dan masalah inflasi dan saranan beliau supaya rakyat mengamalkan hidup berjimat-cermat dan tidak belanja berlebihan untuk membantu mengatasi gejala inflasi. Beliau juga meminta kerajaan mengambil tindakan ke atas para peniaga yang menaikkan harga barangan secara haram. Beliau seterusnya mencadangkan supaya dikaji

semula tarif cukai jalan memandangkan lebuh raya-lebuh raya sudah dikenakan tol, dan ini akan menyebabkan kenaikan harga barangan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pertumbuhan ekonomi negara yang melebihi 8% berturut-turut dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah berjaya meningkatkan taraf hidup serta pendapatan rakyat dan seterusnya meningkatkan permintaan rakyat terhadap barang-barang dan perkhidmatan. Kesan dari perkembangan ini, harga barangan dan perkhidmatan juga telah meningkat. Selain daripada itu, kedudukan harga barangan dan perkhidmatan juga dipengaruhi oleh harga pasaran antarabangsa kesan dari dasar ekonomi bebas dan terbuka yang diamalkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membendung gejala inflasi, kerajaan telah mengambil langkah-langkah dan merangka strategi-strategi bagi mengawal kenaikan harga yang berterusan ke atas barang-barang dan perkhidmatan dalam negara ini. Strategi-strategi tersebut merangkumi dasar kewangan dan fiskal termasuk secara pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang. Di antara langkah-langkah dan strategi penstabilan harga yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ialah mengawal bekalan 20 jenis barang-barang perlu sepanjang tahun dan 25 jenis barang-barang tambahan semasa musim perayaan serta mengawal harga beberapa barangan keperluan asas pengguna. Harga barang-barang keperluan asas ini seperti tepung gandum dan gula pasir tidak boleh dinaikkan sewenang-wenang oleh pengeluar, pembekal atau peruncit, melainkan setelah mendapat kelulusan dan persetujuan dari kerajaan selepas kajian terperinci dilaksanakan oleh kementerian.

Bagi mengatasi masalah peniaga-peniaga yang menjalankan amalan yang tidak beretika pula, pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan dilaksanakan bagi menentukan para peniaga tidak melakukan penyelewengan seperti menyorok barangan,

menipu alat timbang dan sukat, tidak meletakkan tanda harga, mengamalkan perbuatan menjatuh, menaikkan harga barang-barang kawalan sesuka hati dan seumpamanya.

Sehubungan dengan langkah-langkah ini, kementerian telah menjalankan operasi 'Ops Sedar', di mana sepanjang tahun 1996 pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian ini telah memeriksa sebanyak 580,439 premis, dan dari bulan Januari hingga 17hb. Mei, 1997 sejumlah 216,101 premis perniagaan telah diperiksa. Untuk makluman, dari bulan Januari hingga 17hb. Mei, 1997 sebanyak 3,149 peniaga telah dikenakan tindakan dengan nilai barangan sebanyak RM13.975 juta, di samping kompaun dan denda yang bernilai RM790,000 yang dikenakan ke atas 2,640 peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, ada minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit berkenaan dengan kedai-kedai yang diperiksa ini, jumlah semua kedai, kemungkinan tidak dapat jawab, jumlah semua kedai di seluruh negara Malaysia ini berapa, dan yang diperiksa ini di bandar sahajakah atau termasuk kampung-kampung yang terpencil, misalannya di Kluang ada kedai di situ, tetapi tidak ada orang memeriksa sudah tentu mereka tidak dapat pergi ke ceruk-ceruk ini. Jadi, saya bimbang yang memeriksa ini semuanya di bandar-bandar, di supermarket, minta maaf, menggunakan perkataan Inggeris, dan kalau tidak tahu berapa banyak kedai ini, angka yang diberi tadi, peratusan pun tidak tahu, jadi tidak memberi makna kepada kami. Kami tidak tahu berapa kedai yang ada, boleh jadi 2 juta. Yang Berhormat sebut 500,000 tadi tidak ada makna. Ini saya hendak tahu, saya hendak tanya Timbalan Menteri.



**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya seorang SUP sahaja. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak mempunyai angka-angka jumlah kedai perniagaan di seluruh negara.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat Dato' Zuki berpuas hati dengan jawapan itu?

**Datuk Tan Chai Ho:** Saya belum habis lagi. *[Ketawa]* Tadi pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan bukan sahaja di bandar, tetapi juga di kawasan pedalaman seperti kampung-kampung atau tempat-tempat di luar bandar. Pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian ini juga memeriksa tapak-tapak penjaja pasar malam dan tempat-tempat lain.

Untuk makluman Yang Berhormat tahun yang lepas kita telah mencapai iaitu 500 ribu premis-premis perniagaan, kita telah membuat pemeriksaan. Dan tahun ini kita akan meningkatkan pemeriksaan iaitu sasaran kita, kita akan membuat pemeriksaan sebanyak 600 ribu premis perniagaan di seluruh negara. Saya harap Yang Berhormat berpuas hati.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak berbahas tetapi 600 ribu ini berapa peratus, 2 peratus ke, 5 peratus ke dari seluruh negara? Kerajaan mesti ada angka itu, kalau tidak apa makna 600 ribu, adakah banyak itu? Kalau misalannya 1 juta, 600 ribu adakah banyak ataupun kalau 200 juta kedai ada di seluruh Malaysia ini, 600 ribu kedai yang diperiksa itu adakah mencukupi untuk kerajaan menjalankan pemeriksaan supaya harga-harga itu dapat mengikut apa yang patut tertera di harganya?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah nyatakan bahawa tapak-tapak atau premis-premis perniagaan adalah sangat luas. Pasar malam, tapak

penjaja-penjaja kedai runcit, pasar raya, kilang-kilang, inilah susah untuk saya nyatakan satu angka yang tepat tetapi saya akan cubalah kalau boleh menjawab dengan secara bertulis.

#### **5.17 ptg.**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu-isu kutipan tol di lebuhraya yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya kos pengangkutan hanya membabitkan peratus yang kecil dari keseluruhan kos untuk mengeluarkan sesuatu barangan. Oleh kerana itu ia tidak akan memberi kesan ke atas usaha-usaha ke arah penstabilan harga barangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha membendung inflasi adalah usaha bersama semua pihak iaitu kerajaan, pengguna, peniaga, NGO dan media massa. Dengan adanya kerjasama bersepadu ini gejala inflasi telah dapat dibendung di mana sehingga bulan April 1997 kadar inflasi negara yang diukur menerusi indeks harga pengguna adalah hanya 3% sahaja berbanding dengan 3.1% sehingga bulan Mac 1997 dan 3.5% bagi keseluruhan tahun 1996.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang kita rakyat mengalu-alukan kerja kuat yang telahpun dijalankan oleh kementerian Yang Berhormat. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang usaha-usaha untuk membendung inflasi dan biasanya sebelum sesuatu kenaikan itu dibenarkan, pihak-pihak tertentu akan merujuk kepada kementerian Yang Berhormat. Jadi saya ingin bertanya adakah apabila kenaikan tol dan juga kenaikan kadar elektrik baru-baru ini dinaikkan, adakah perkara ini dirujuk dahulu dengan kementerian Yang Berhormat?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenaikan tarif tol atau elektrik semua ini adalah dibincang dalam mesyuarat Kabinet. Jadi keputusan yang akhir telah pun dibuat oleh Kerajaan Pusat dan penerangan telahpun diberi, jadi tidak perlulah saya ulang di sini. Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan dari kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Penerangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi penerangan dan teguran ke atas perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan ketika membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong semasa merasmikan pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjelaskan beberapa perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii mengenai penerimaan siaran radio dan televisyen di Sarawak. Perkara ini berlaku disebabkan masih terdapat beberapa kawasan terlindung. Usaha-usaha sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh di mana kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM7 juta untuk meningkatkan kualiti penerimaan siaran di Sarawak.

Mengenai cadangan supaya dibolehkan penggunaan parabola di Sarawak, saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan tidak bercadang membenarkan orang ramai menggunakan antena parabola bagi menerima siaran televisyen luar negara dari mana-mana satelit, melainkan daripada satelit yang dibenarkan oleh kerajaan. Larangan menggunakan antena parabola berkenaan adalah sejajar dengan dasar kerajaan yang tidak mengamalkan dasar langit terbuka. Selain itu bahan-bahan siaran melalui antena parabola

itu diterima tanpa sebarang tapisan dan ini bertentangan dengan ketetapan kerajaan iaitu semua bahan penyiaran yang dibawa masuk ke negara ini hendaklah ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri sebelum disiarkan.

Saya mengucapkan terima kasih juga di atas keprihatinan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail yang mencadangkan supaya disekat unsur-unsur negatif yang disiarkan melalui Astro dan Mega TV. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat rancangan-rancangan televisyen satelit Astro dan Mega TV sebenarnya telah dinilai kesesuaiannya terlebih dahulu sebelum disiarkan. Bagi melaksanakan tugas penilaian ini Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri telah menempatkan beberapa orang pegawainya di Astro dan Mega TV. Sebagai langkah jangka panjang Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama dari kementerian ini sedang menyediakan garis panduan yang sesuai untuk digunakan oleh Astro bagi melaksanakan tapisan dalaman dengan izin in house censorship. Adalah diharapkan, dengan adanya tapisan dalaman ini akan dapat mengurangkan unsur-unsur negatif di dalam rancangan Astro dan Mega TV.

Perkara kedua yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai dengan pita video. Saya mohon menjelaskan bahawa setiap pita video ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri sebelum diluluskan untuk edaran.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno supaya dinaikan kadar yuran langganan Astro dan Mega TV bagi mencegah pengaruh hiburan kepada kanak-kanak, kadar bayaran langganan tersebut adalah munasabah dan berpatutan. Kadar yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada kajian pasaran yang dibuat oleh stesen berkenaan. Dalam pada itu adalah menjadi tanggungjawab setiap ketua keluarga bagi membuat tapisan sendiri di rumah untuk memastikan supaya hanya siaran-siaran yang sesuai sahaja ditonton oleh anak masing-masing.

Saya mohon menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Habsah binti Haji Osman mengenai cadangan penjadualan semula rancangan TV pukul 6 petang hingga 8 malam supaya tidak melalaikan penonton khususnya yang beragama Islam. Kementerian Penerangan dari masa ke semasa sememangnya membuat kajian penyesuaian rancangan terutama sekali siaran rancangan dalam masa utama, dengan izin prime time dengan tujuan untuk merapatkan jurang

ekspektasi di kalangan penonton-penonton yang terdiri daripada berbilang kaum, keturunan, agama, budaya, adat resam, pekerjaan dan sebagainya.

Dalam hubungan ini ketua keluarga juga harus memainkan peranan untuk menetapkan masa-masa tontonan yang sesuai bagi ahli keluarga masing-masing. Mengenai cadangan supaya semua stesen penyiar menyiarkan berita jam 8.00 malam dari TV RTM. Cadangan ini adalah baik namun ianya bergantung kepada keperluan stesen itu sendiri kerana setiap stesen mempunyai peranan masing-masing dalam menyalurkan berita kepada rakyat jelata. Jika ada mana-mana stesen yang ingin menyiarkan berita jam 8.00 malam, RTM, kementerian bersedia mengkaji cadangan tersebut.

Mengenai cadangan supaya siaran TV dihentikan pada jam 12 malam, semua stesen TV swasta hendaklah memberhentikan waktu siarannya hingga pukul 12 malam. Kecuali pada hari-hari tertentu seperti yang ditetapkan dalam syarat lesen.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita kurang puas hati dengan jawapan Yang Berhormat berhubung dengan siaran pukul 6 hingga 8 dengan alasan bahawa ekspektasi daripada berbagai kaum. Justeru itu tidakah kita juga menghormati Perlembagaan kita yang menyatakan bahawa agama Islam itu agama rasmi. Dan saya kira Yang Berhormat kita harus, lantaran dan waktu siaran khususnya waktu Maghrib sering diperkatakan sudah lebih dari 10 tahun yang lalu dan jawapan kita masih yang sama, kita boleh, demi prime time itu untuk memenuhi kehendak ekspektasi kaum lain kita boleh adakan sandiwara Mandarin dan sebagainya. Saya kira perkara ini harus juga walaupun jawapan telah diberi, dikaji semula. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi kementerian sedia mengkaji cadangan tersebut. Selain itu sekiranya ada rancangan-rancangan tertentu misalnya siaran langsung perlawanan bola sepak di peringkat antarabangsa, stesen TV berkenaan dibenarkan melanjutkan masa siarannya selepas pukul 12 malam disebabkan perbezaan masa antara negara ini dengan negara di mana acara itu berlangsung.

Mengenai cadangan penyediaan sarikata filem-filem asing yang ditayangkan di TV RTM hanya sebahagian filem-filem berbahasa asing dari luar negara yang disiarkan melalui TV RTM disediakan sarikata berbahasa Melayu mengikut kesesuaiannya.

Perkara itu RTM sedang berusaha untuk mempertingkatkan penggunaan sarikata dalam filem-filem berbahasa asing pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah memberi pandangan dan teguran mengenai hal-hal yang berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian Penerangan. Mana-mana pandangan dan teguran yang tidak sempat disentuh akan diambil perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat keluar saya hendak tanya sedikit sahaja . Kalau Yang Berhormat tidak keberatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan tambahan ke?

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Bukan, ada sedikit perkara yang dikeluarkan mengenai Sarawak, jadi saya nak tanya di Semenanjung Malaysia. Soalan saya ialah, Yang Berhormat tadi ada menceritakan masalah resepsi TV di Sarawak, tapi Yang Berhormat tahu atau tidak di Kuala Lumpur ini pun kita ada masalah resepsi, penerimaan yang tidak jelas, khususnya Astro dan Mega TV. Kalau Astro tu semasa hujan lebat tak nampak langsung dan Mega TV ada masa tertentu tak boleh nampak langsung. Jadi masalah ini sudah tentu Yang Berhormat akan ambil perhatian. Tapi adakah perkara ini, kerosakaan ini, gambar tak terang boleh dibaiki atau tidak? Kalau boleh dibaiki berapa lama sebab saya tidak memohon lagi untuk berlanggan dengan Astro ini. Kalau tak ada masalah saya nak berlangganlah. [*Ketawa*]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dato', sebenarnya soalannya baik. Seperti yang saya nyatakan lebih awal iaitu mengenai dengan kawasan-kawasan ini bukan hanya di Sarawak bahkan di tempat-tempat seperti Terengganu dan juga negeri Pahang bahkan di Kuala Lumpur kita menghadapi masalah ini di mana jika kita melihat bahawa setengah-setengah kawasan tidak dapat menerima bukan hanya Astro ataupun Mega TV, TV1 dan TV3 bilamana terlindung daripada bangunan-bangunan yang tinggi maka kementerian telah pun berusaha dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk

mengenakan beberapa seruan agar rumah-rumah yang berbentuk tinggi dikehendaki supaya disyorkan mewujudkan satu antena yang agak tinggi supaya memperolehi pancaran daripada pusat pemancar kita daripada KL Tower.

Itulah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memperbaiki seperti yang Yang Berhormat katakan tadi, kita sedar tentang masalah ini, namun demikian, seperti Yang Berhormat nyatakan juga kerajaan sentiasa berusaha untuk mengatasi agar siaran ini akan lebih jelas dan terang lagi khususnya menerusi Astro dan juga Mega TV. Saya juga mengalami dalam keadaan ribut, taufan dan hujan kadangkala kita terpaksa menunggu sehingga keadaan itu reda barulah kita mendapat pancaran tetapi dalam jangka masa yang tidak begitu panjang.

Namun demikian, kementerian bilamana keadaan prasarana yang ada ini dapat kita pertingkatkan dengan secara yang baik seperti di negara-negara yang lain akan dapat ke tahap itu di mana siarannya akan dapat dilihat dengan lebih jelas lagi. Insya-Allah!

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ramai ya! Yang Berhormat Puan Hajah Habshah.

**Puan Hajah Habshah binti Haji Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada membangkitkan perkara berkenaan dengan filem iklan yang iklan-iklan ini adalah sangat berlawanan dengan budaya kita, umpamanya ialah iklan rokok Salem dan Kent. Dan soalan itu saya rasa Yang Berhormat tidak jawab.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang nyatakan tadi, mana-mana teguran yang telah dikemukakan, insya-Allah kementerian akan mengambil perhatian termasuklah mengenai dengan iklan yang mana Ahli Yang Berhormat nyatakan tadi, memang kita amat prihatin tentang perkara ini sehingga bila mana Yang Berhormat Menteri Penerangan baru-baru ini telah menegur pihak-pihak

persatuan pengiklan agar dapat mematuhi syarat-syarat kerana mereka juga adalah pihak yang bertanggungjawab bukan hanya Kementerian Penerangan, semua pihak kerana ada kerjasama untuk cuba mengatasi agar kelak bila mana bentuk iklan itu dapat memaparkan satu budaya yang cukup baik di samping dari segi penekanan tentang hasil yang kelak kita akan perolehi itu bukan sebagai satu pertimbangan utama tetapi juga pertimbangan untuk melahirkan satu masyarakat dan memberi gambaran yang cukup baik kepada masyarakat kita. Insya-Allah segala cadangan Ahli Yang Berhormat akan kita ambil perhatian.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya!

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu persoalan kepada pihak Kementerian Penerangan terhadap satu penghujahan yang telah dibangkitkan oleh seorang menteri yang ada kaitan dengan perubahan masa siaran di televisyen. Jadi, adakah benda ini biasa diperlakukan dan juga diperkatakan perubahan ini adalah mengetepikan golongan minoriti di negara ini. Apakah pandangan pihak Kementerian Penerangan ke atas masalah yang dibangkitkan oleh seorang menteri yang mana menteri yang berkenaan juga berada dalam Kabinet Malaysia.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya rasa ini satu perkara yang amat penting sekali kerana perkara ini telah pun dibangkitkan di surat khabar baru-baru ini dan saya rasa apa Yang Berhormat nyatakan mengenai dengan siaran berita Tamil dan sehingga dinyatakan bahawa berita itu sedikit sebanyak telah dapat membentuk satu 'perseption', satu keputusan pemikiran di Teluk Intan baru-baru ini.

Tetapi saya yakin bahawa perhitungan masyarakat itu bukan hanya itu sahaja yang menjadi buat keputusan, kalau itulah keputusan maknanya tidak jadi masalah bagi kita



untuk merobah segala rancangan ini semata-mata kita menang dalam pilihan raya. Tetapi bukan itu yang penting, bagi kita yang penting ialah untuk menyiarkan maklumat ini kerana perkara ini adalah perkara biasa untuk menggubal rancangan demi rancangan seperti ada tekanan, ada rayuan, ada permohonan daripada pihak-pihak tertentu seperti yang dibangkitkan tadi tentang betapa pentingnya agama Islam sebagai agama rasmi. Walaupun negara kita sebagai negara yang mengamalkan Islam sebagai agama rasmi, pemerintahan kita adalah satu pemerintahan yang majoritinya berpegang kepada Barisan Nasional. Namun demikian, kita mempunyai pertimbangan bahawa kaum-kaum lain juga kita harus pertimbangkan, bukan hanya satu-satu sahaja, walaupun ada majoriti dan minoriti.

Maka kenyataan bahawa kita mengetepikan itu adalah tidak benar, tidak terlintas bukan hanya dalam pemikiran, bukan hanya pandangan dan dasar bahkan hati kita selaku pentadbir di kementerian tidak terlintas langsung hendak mengetepikan mana-mana pihak tentang perkara ini. Namun demikian, kita hanya mengekalkan.

Saya berharap kepada masyarakat India yang menonton berita Tamil ini akan dapat memberi kerjasama kepada kita agar siaran televisyen khususnya berita pada jam 5.00 petang ini akan diterima baik oleh pihak masyarakat kaum India.

Walaupun demikian, seperti yang saya nyatakan, kementerian sentiasa mengambil perhatian, rayuan dan permohonan daripada semua pihak tentang perkara ini.

**Datuk Rahim bin Baba:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap ini yang last!

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan justification, dengan izin, daripada pertukaran siaran berita Tamil dan juga wayang Tamil

daripada jam 2.30 petang ke pukul 1.00 tengah hari. Saya lihat umpamanya berita Tamil daripada pukul 5.30 petang ditukarkan kepada jam 5.00 petang dan jam 5.30 petang itu digantikan dengan slot drama Cina.

Dan begitu juga dengan wayang Tamil ditukarkan daripada jam 2.30 petang kepada jam 1.00 tengah hari dan selepas jam 2.30 petang ditukarkan juga dengan cerita Cina. Jadi, ini menimbulkan satu 'perception' kepada rakyat seolah-olah kerajaan lebih memikirkan dari segi keuntungan, dari segi mendapatkan kewangan kerana saya bukanlah hendak menyalahkan mana-mana pihak kerana dengan pertukaran ini, saya percaya Yang Berhormat sendiri sedar bahawa kebanyakan mereka yang bekerja di estet biasanya mereka ini akan balik dalam jam 12.30 tengah hari, jam 1.00 tengah hari ataupun jam 2.00 petang dan tidak sempat hendak melihat, kalau mereka yang bekerja di estet selepas mereka menoreh getah kerana saya pun daripada keluarga begitu juga - saya tahu! Selepas jam 2.00 petang ataupun jam 2.30 petang barulah mereka ini akan berada di rumah.

Jadi, ini seolah-olah 'deprive' golongan minoriti ini daripada melihat satu bentuk hiburan kerana mereka ini adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Begitu juga dengan berita-berita Tamil daripada jam 5.30 petang ditukarkan kepada jam 5.00 petang. Saya tidak tahu apa 'justification' daripada pihak kementerian.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba tadi mengenai dengan berita ditukar daripada jam 5.30 petang kepada jam 5.00 petang kerana sebahagian daripada faktor yang kita fikirkan bahawa kita memancarkan berita dalam rangkaian Perdana iaitu pada jam 6.00 petang dan jangka masa itu hanya setengah jam sahaja.

Dan konsentrasi masyarakat dalam setengah jam selepas itu kita siarkan Berita Perdana pada jam 6.00 petang. Apa yang penting bagi kita bukan hanya masyarakat satu kelompok sahaja dapat menonton Berita Perdana jam 6.00 petang. Kita juga ingin melihat agar masyarakat yang lain termasuk India juga turut selepas daripada TV2 kita tayangkan berita Tamil jam 5.30 petang, selepas itu disambung pula setengah jam sahaja menunggu selepas itu berita jam 6.00 petang.

Selepas itu jam 7.00 malam berita dalam bahasa Cina, selepas itu jam 8.00 malam Berita Perdana. Jadi, sepanjang masa itu kalau kita melihat bahawa semuanya berita. Kita tidak ingin melihat bahawa ianya tersekat kepada hanya pemberian berita, kita hendakkan juga supaya mengenai dengan maklumat ini dapat disiarkan bukan hanya menerusi saluran rangkaian TV2 bahkan TV1 dan TV2 sekali. Bukan pertimbangan kementerian iaitu keuntungan untuk menekankan perubahan ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan di sini bahawa kementerian tidak terdorong oleh faktor keuntungan untuk merobah rancangan-rancangan ini malahan ianya sedemikian adalah bertujuan untuk supaya agar masyarakat yang berbilang kaum di negara ini dapat menerima siaran TV yang cuba berusaha untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat bukan hanya di dalam bandar bahkan di luar bandar.

**Dr. Yeow Seng Huat:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Ada lagi?

**Dr. Yeow Seng Huat:** Ada sedikit soalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh yang penghabisan, ya.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan hendak bertanya kepada Kementerian Penerangan sama ada Kementerian Penerangan sedar atau tidak

banyak rancangan yang ditayangkan ada rancangan yang berulang-ulang. Kadang-kadang kita melihat filem yang telah disiarkan dua atau tiga kali masih ditayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada semalam ada satu rancangan khas 'Cartoon Special' untuk Hari Wesak iaitu dia tayangkan 'Ramayana dan Sita', filem ini pada tahun 1996 sudah ditayangkan dan filem itu ditayangkan lagi pada tahun ini. Tetapi apa yang saya nampak pada tahun ini banyak censorship sudah berlaku, separuh daripada filem itu sudah dihilangkan berbanding dengan apa yang ditayangkan di tahun-tahun lalu. Tahun ini walaupun ditayangkan filem yang sama tetapi filem ini bukan filem baru, filem lama tetapi hilang separuh!

Saya haraplah Kementerian Penerangan bolehlah mengambil tindakan untuk janganlah tayangkan filem itu berulang-ulang, kadang-kadang sehingga dua, tiga kali. Silalah ambil .....

**Tuan Yim Chee Chong:** Filem yang baik punya tidak apa berulang-ulang!

**Dr. Yeow Seng Huat:** Filem Ramayana dan Sita ini adalah satu tayangan gambar yang sangat baik, saya pun suka hendak melihat filem ini sebab ia memberi pengajaran kepada anak-anak kita berkaitan dengan segi agama tetapi pada tahun ini saya sangat tidak puaslah melihat separuh daripada filem itu sudah dipotong.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ini kali yang terakhir, tidak ada soalan-soalan yang lain lagi. *[Ketawa]* Kerana saya sudah pun menutup penggulungan ucapan saya.

Walaupun demikian, untuk memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat yang bertanya berkenaan dengan siaran dua kali, kita mempunyai pendekatan di mana ada cerita yang mempunyai there is a morale story behind it, dengan

izin, seperti cerita-cerita yang kita keluarkan wayang P. Ramlee, ada wayang-wayang itu ....

**Dr. Yeow Seng Huat:** Minta laluan!

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tidak! Sebagai contoh, saya beri contoh ya. Let me finish this one first, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, supaya drama-drama ataupun cerita-cerita ini mempunyai mesej, kadang-kadang cerita-cerita yang berbentuk agama, berbentuk keluarga walaupun ia berbentuk cartoon, walaupun demikian ia mempunyai mesej tertentu agar memberi tunjuk ajar kepada masyarakat dan kadangkala kita siarkan. Macam saya beri contoh tadi, wayang P. Ramlee, balik-balik cerita Getaran Jiwa, cerita Hang Tuah bermacam-macam tetapi ada 'morale story behind it' yang boleh membawa pengajaran kepada masyarakat bukan hanya pada tahun ini bahkan masyarakat generasi mungkin Yang Berhormat pada tahun yang sudah dapat menonton, ada juga yang tidak berkesempatan untuk menonton maka mereka pada tahun ini mungkin bertanya: "Ha! This is new to me", jadi, kemungkinan bagi dia baru kepada mereka untuk menonton keadaan ini.

Jadi, tidak semua pada satu kali kita tayangkan filem itu akan dapat melindungi semua 'to cover' semua penonton-penonton yang berada di negara ini kerana ada setengah-setengah rancangan itu terpaksa kita ulangkan dua kali ataupun tiga kali. Sekian, terima kasih.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit. Saya terima kalau filem itu ada morale value dan sebagainya tetapi saya nampak filem itu filem biasa pun ditayangkan dua, tiga kali, itulah yang saya hendak bangkitkan bukan atas 'morale'. Tetapi kalau ditayangkan sekali lagi janganlah buat censorship baru macam filem semalam itu berjudul Ramayana dan Sita itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh sebagai ingatan ya!

**Dr. Yeow Seng Huat:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Belia dan Sukan.

**5.43 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Kamilia binti Ibrahim yang semasa perbahasan beliau telah menyentuh tentang masalah sosial dan meminta penjelasan kementerian berkenaan kajian yang telah dijalankan oleh badan yang ditugaskan dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini.

Kementerian sememangnya melihat kemelut gejala sosial yang semakin terancam ini dengan begitu serius. Telah banyak diperkatakan mengenai keterlibatan generasi muda di dalam kancah pergelutan penyakit sosial yang sedang melanda masyarakat. Bilangan mereka yang terlibat juga kian bertambah dari tahun ke tahun.

Tindakan pencegahan adalah amat diperlukan supaya masalah ini dapat dibendung dengan segera sebelum ianya menular dan merebak dalam masyarakat sebagai satu virus yang akan menjejaskan sistem nilai dan gaya hidup masyarakat. Atas kesedaran ini, kementerian telah mengemukakan satu idea untuk mewujudkan satu program khas bagi membantu menangani masalah ini.

Program ini dikenali dengan nama Program Khidmat Sosial Negara. Cadangan untuk melaksanakan program ini telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet mengenai masalah sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini telah bersetuju pada prinsipnya supaya kementerian melaksanakan satu program percubaan atau program perintis sebelum program ini dilaksanakan sepenuhnya ke seluruh negara.

Kementerian juga telah mendapat persetujuan dan mandat sepenuhnya untuk melaksanakan program ini dari khalayak belia semasa kertas konsep Program Khidmat Sosial Negara ini dibentangkan dan dibincangkan dalam satu Konvensyen Belia Negara yang telah diadakan pada 15hb. Mei 1997 sempena Sambutan Hari Belia 1997. Konvensyen ini telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 2,500 pemimpin dan wakil belia dari seluruh negara. Dari segi konsepnya, Program Khidmat Sosial Negara yang sedang direncanakan

ini adalah merupakan satu bentuk khidmat nasional. Fokus program ini ialah kepada kumpulan pelajar yang sedang menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia yang dianggarkan seramai lebih kurang 300,000 orang di seluruh negara.

Khidmat Nasional yang akan diketengahkan tidak bersifat ala ketenteraan seperti yang biasanya difahami. Tetapi khidmat sosial gaya baru ini telah menekankan kepada aspek-aspek pembangunan diri generasi muda itu sendiri menerusi pemupukan semangat kejelasan, jatidiri, penghayatan perpaduan serta sifat-sifat dan nilai-nilai pembangunan komuniti di kalangan generasi muda. Komponen yang paling penting yang akan diberi penekanan ialah komponen nilai dan sikap. Komponen inilah yang akan menentukan keberkesanan program-program ini nanti. Pemupukan komponen ini akan disalurkan atau disisip menerusi aktiviti-aktiviti rekreasi, kesenian, kerja-kerja kemasyarakatan lawatan dan juga lain-lain platform yang difikirkan sesuai dan dapat menarik minat golongan remaja.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan kementerian agar semua pihak terutamanya ibu bapa dapat memberi sokongan padu kepada program ini. Peluang yang telah disediakan ini haruslah dijadikan sebagai satu wadah untuk melengkapkan anak-anak muda kita dengan segala kekuatan mental, ketahanan diri dan maklumat yang cukup sebelum melangkah ke dunia realiti, yang penuh cabaran dan kepelbagaian kemungkinan yang tidak terjangkanya oleh mereka sebelum ini. Dengan segala maklumat yang telah diperolehi selepas mengikuti program ini, kementerian yakin mereka akan dapat memilih jalan dan cara hidup yang tepat dan paling baik bagi diri mereka sendiri.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat beberapa penjelasan. Kadang-kadang kita lihat program-program kementerian memang

baik, akan tetapi malang sedikit kadang-kadang program-program ini lebih berbentuk aktiviti oriented, dengan izin. Untuk memenuhi carta-carta kegiatan kementerian, program ini diadakan sekali gus untuk sesuatu kumpulan sasaran, tetapi tidak ada follow-up program-program untuk peserta-peserta yang telah menjalani kursus. Inilah kadang-kadang peserta kita apabila balik daripada kursus semangatnya begitu tinggi, tetapi dua bulan selepas itu kita tengok dia sudah terjebak di dalam dadah - dia telah terjebak ke dalam penagihan.

Kementerian memang memerlukan peruntukan yang besar, tetapi kita harus sedar bahawa belia hari ini adalah pemimpin di masa esok. Malah Ibnu Khaldun ada berkata 'kiranya kita hendak lihat negara, masa depan negara, lihatlah belia yang ada sekarang ini'. Justeru itu, kalau memerlukan peruntukan seperti 6 bulan sekali, kepada peserta yang sama program-program ini kiranya dapat dilakukan kita merasa begitu bangga sekali. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu, kami di kementerian tahu bahawa semua belia dan remaja yang menjadi peserta dalam semua program kementerian itu tidak mencukupi jika mereka mengikuti program hanya sekali dalam setahun. Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan di sini bahawa dalam dua tahun ke belakangan ini sejak Program Rakan Muda dilancarkan, kita telah mampu mengadakan lebih kurang 14,000 aktiviti yang melibatkan 1.2 juta peserta-peserta.

Saya kemukakan angka ini untuk menunjukkan bahawa untuk menangani masalah sosial negara kita ini, pihak Kementerian Belia dan Sukan sahaja tidak mencukupi, malah semua di kalangan masyarakat dan kementerian-kementerian lain, ibu bapa, keluarga harus berkerjasama untuk memupuk nilai-nilai dan sikap yang baik untuk remaja dan



belia. Kita di peringkat kementerian menumpukan lebih dengan aktiviti-aktiviti supaya dapat memenuhkan masa mereka, di samping menjalankan aktiviti ini, insya-Allah dapat menerapkan nilai-nilai yang murni kepada mereka.

Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat yang begitu baik itu akan saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri dan akan menyatakan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara supaya Kementerian Belia dan Sukan dapat memberikan peruntukan yang lebih banyak supaya dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada belia dan pemimpin negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sumber Manusia.

**5.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Di-Raja pada penggal ini terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bidang fungsi Kementerian Sumber Manusia.

Kementerian menerima baik pandangan dan cadangan yang telah diutarakan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya di mana boleh ke atas perkara-perkara yang telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim telah melahirkan keresahan tentang keadaan tempat tinggal pekerja-pekerja asing di Nilai, yang menurut beliau didiami oleh seramai 30 orang pekerja asing dalam sebuah rumah berbilik tiga. Beliau juga mencadangkan supaya sebuah badan ditubuhkan khusus untuk memastikan pekerja-pekerja asing diberi layanan yang berperikemanusiaan.

Sukalah saya menegaskan bahawa pekerja-pekerja rakyat asing yang digaji secara sah adalah dijamin layanan yang saksama di bawah Undang-undang Buruh di negara ini, seperti yang kita beri kepada rakyat kita sendiri, termasuk mengenai perumahan. Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 yang ditadbirkan oleh Kementerian Sumber Manusia ada menetapkan standard-standard minimum yang perlu dipatuhi oleh majikan yang menyediakan kemudahan perumahan kepada pekerjanya.

Walau bagaimanapun, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu perlu disiasat dengan lebih lanjut untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya serta untuk menentukan lokasi tempat tinggal yang dikatakan terlalu sesak itu. Namun demikian, kita berharap sangatlah agar semua Ahli Yang Berhormat, yang mempunyai bukti-bukti yang tepat mengenai keadaan yang diperkatakan itu dapat membuat laporan kepada pejabat buruh yang berdekatan ataupun Pejabat Majlis Kerajaan Tempatan yang berdekatan yang juga mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan-tindakan mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengatur berbagai langkah untuk menarik lebih ramai wanita memasuki pasaran buruh serta mengekalkan mereka yang sedang bekerja terutamanya mereka yang telah berkahwin dan mempunyai anak, namun kita harus berhati-hati memperkenalkan kemudahan-kemudahan tertentu misalnya kemudahan cuti bersalin bergaji sehingga 2 tahun seperti yang dijadikan contoh oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin. Menurut Yang Berhormat tersebut ada negara-negara yang tertentu, yang memberikan pekerja-pekerja wanita cuti bersalin bergaji sehingga 2 tahun. Beliau berpendapat amalan itu adalah baik kerana

penjagaan awal yang sempurna akan dapat menghindarkan bayi tersebut terjebak dalam masalah sosial apabila dewasa nanti.

Sementara itu saya bersetuju penjagaan awal seseorang bayi oleh ibu kandungnya sendiri amat penting dalam semua aspek pembesaran bayi tersebut, namun saya berpendapat kemudahan cuti bersalin bergaji yang diperuntukkan dalam undang-undang sekarang baik di sektor swasta mahupun di sektor awam di Malaysia kita adalah mencukupi dan berpatutan. Di sektor swasta Akta Kerja 1995 menetapkan bahawa mereka hendaklah diberi cuti bersalin bergaji penuh selama tidak kurang daripada 60 hari tertakluk kepada lima persalinan. Bagi sektor awam pula adalah 42 hari. Sekiranya mereka memerlukan cuti tambahan, kemudahan-kemudahan lain seperti mengambil baki cuti rehat, cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji bolehlah dipertimbangkan oleh majikan-majikan yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menegaskan supaya agensi-agensi kerajaan tertentu termasuk Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melantik pengurus-pengurus dana yang berpengalaman dan berpengetahuan yang tinggi dalam bidang pelaburan. Yang Berhormat juga menekankan bahawa pengurus-pengurus dana tersebut harus mempunyai kepercayaan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur dan pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh agensi-agensi berkenaan hendaklah menyokong BSKL.

Sukalah saya menjelaskan bahawa semua pengurusan pelaburan PERKESO adalah tertakluk kepada dasar dan garis panduan yang telah diluluskan oleh Lembaga PERKESO dan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia serta dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, termasuk penglibatan PERKESO dalam menyokong BSKL. Pada masa yang sama PERKESO melantik pengurus portfolionya dari kalangan

pengurus-pengurus portfolio tempatan yang utama untuk mengurus pelaburan PERKESO di dalam BSKL. Perlantikan mereka ini dibuat berasas kriteria pemilihan yang ketat mengikut amalan antarabangsa.

Beralih kepada faedah PERKESO, sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim bahawa ahli-ahli PERKESO boleh mendapatkan rawatan perubatan daripada mana-mana pusat perubatan baik swasta mahupun kerajaan dan menuntut bayaran faedah berkenaan daripada PERKESO. Perbelanjaan yang dibuat dari kalangan penal doktor PERKESO termasuk pusat perubatan kerajaan akan dibayar balik sepenuhnya atau mengikut kadar yang telah dipersetujui di antara PERKESO dan pusat-pusat perubatan berkenaan. Namun sekiranya seseorang ahli itu memilih untuk mendapat rawatan daripada pusat perubatan swasta yang bukan daripada penal doktor PERKESO mereka tetap akan dibayar faedah PERKESO, tetapi tuntutan faedah yang layak dibayar balik akan tertakluk kepada kadar bayaran kelas dua yang dikenakan di hospital kerajaan. Syarat ini walau bagaimanapun tidak terpakai bagi kes-kes kecemasan di mana PERKESO akan membayar sepenuhnya tuntutan faedah berkenaan. Sehubungan dengan ini sukalah saya maklumkan juga bahawa Kementerian Sumber Manusia ada rancangan jangka panjang untuk memperluaskan faedah PERKESO kepada skim insurans bagi wanita bersalin dan sakit. Kajian mengenai kemungkinan memperkenalkan kedua-dua kemudahan tersebut sedang dibuat untuk mengetahui viabilitinya.

Mengenai saranan Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Osman bahawa sebuah badan penyelaras ditubuhkan untuk mengendali segala kursus dan keperluan latihan kemahiran tenaga manusia di negara ini. Sukalah saya memaklumkan bahawa Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan atau yang sering dikenali sebagai MLVK di

bawah Kementerian Sumber Manusia, sudah pun memainkan sebahagian penting peranan tersebut. Sementara Majlis latihan Vokasional Kebangsaan tidak menyelaraskan pengendalian kursus-kursus, namun ia menyelaraskan kandungan atau kurikulum latihan perindustrian di negara ini termasuk menentukan standard kemahirannya. Standard kemahiran tersebut pula adalah dibangunkan dengan penglibatan industri dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Justeru itu semua institut latihan awam di pelbagai agensi di negara ini menggunakan standard kemahiran dan kurikulum latihan yang diselaraskan. Sehubungan dengan itu juga setiap kementerian memang sudah ditentukan kumpulan sasanya untuk diambil menjalani latihan kemahiran. Saya percaya perkara ini tidak berlaku kekeliruan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar.

**5.58 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kesembilan.

Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail dari Pulau Pinang telah menyentuh mengenai masalah penebangan pokok-pokok dan pengondolan hutan atas nama pembangunan dan berharap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memberi perhatian kepada urusan pemuliharaan ekosistem, tanaman semula pokok-pokok dan pengurusan alam sekitar untuk mengatasi masalah tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam menangani isu-isu alam sekitar terutamanya pencemaran yang sedang hangat diperkatakan urusan pemuliharaan ekosistem, tanaman semula pokok-pokok dan sebagainya merupakan satu bidang yang

terkandung dalam pengurusan alam sekitar. Urusan yang berkaitan dengan alam sekitar sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum merupakan bidang kuasa di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan.

Bagi menentukan pengurusan alam sekitar negara terpelihara, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah ditubuhkan. Ada ini bertujuan untuk memastikan kualiti alam sekeliling tetap terjamin dan terpelihara daripada kemusnahan akibat daripada pembangunan negara yang berkembang pesat. Melalui penguatkuasaan akta ini, kerajaan berusaha untuk memastikan pembangunan yang dilaksanakan itu adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk memulihara alam sekitar di samping menentukan pembangunan yang berketetapan (sustainable development), dengan izin. Walau bagaimanapun undang-undang tersebut hanya akan berjaya dikuatkuasakan sekiranya setiap lapisan masyarakat berkerjasama memainkan peranan mereka masing-masing. Dalam hubungan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas sokongan yang telah diberikan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semasa Dewan bersidang.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dari Perlis telah mengesyorkan penggunaan sains dan teknologi di dalam bidang industri dengan sepenuhnya. Untuk makuman Ahli Yang Berhormat kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan kementerian-kementerian yang berkaitan dengannya, telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dalam bidang industri berdasarkan kepada penggunaan sains dan teknologi sepertimana yang digariskan di dalam matlamat Wawasan 2020. Bagi tujuan ini juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang

melipatgandakan program dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D di mana di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) sejumlah RM1 bilion telah diperuntukkan.

Ahli Yang Berhormat Dato' Chet Singh pula telah menekankan kepada perlunya kepada kajian dan perhatian terhadap tiga projek iaitu projek Bukit Bendera, Bukit Larut dan lebuh raya Genting Highlands dan kesannya ke atas alam sekitar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi projek lebuh raya Genting Highlands, kajian Environmental Impact Assessment (EIA) sedang giat dijalankan dan laporan yang lengkap akan dikemukakan kepada kementerian untuk pertimbangan selanjutnya. Manakala bagi projek Bukit Bendera dan Bukit Larut kerajaan negeri berkenaan telah bersetuju untuk melaksanakan prosedur EIA di peringkat negeri masing-masing. Dalam hubungan ini kementerian saya sentiasa mengawasi dan memberikan kerjasama kepada kerajaan negeri bagi memastikan pengawalan alam sekitar dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak disentuh dalam jawapan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan saya berikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil, insya-Allah. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertahanan.

**6.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-

ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan DiRaja yang sedikit sebanyak menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan.

Ucapan-ucapan Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dan Yang Berhormat Hajah Ramlah binti Kasim yang telah pun menyentuh beberapa perkara bersabit dengan Kementerian Pertahanan. Teks ucapan-ucapan Yang Berhormat tersebut melambangkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat begitu mengambil berat dan prihatin di atas masalah keselamatan dan pertahanan negara serta masalah-masalah anggota-anggota tentera Malaysia. Pihak kementerian sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan mendengar segala teguran-teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meningkatkan lagi keupayaan serta menaikkan lagi imej Kementerian Pertahanan pada keseluruhannya dan Angkatan Tentera Malaysia khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kemalangan dua buah helikopter Nuri di Sabah baru-baru ini, seperti Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali telah menegur sikap pihak-pihak tertentu berasaskan kepada teguran bekas Panglima Tentera Udara tentang isu-isu di mana terdapatnya alat-alat ganti pesawat yang kononnya tidak sesuai lagi digunakan. Untuk makluman Yang Berhormat, laporan awal oleh Lembaga Penyiasatan telah mendapati bahawa kemalangan tersebut bukannya disebabkan oleh kerosakan teknikal. Maka dengan itu, ia tidak dapat dihubungkan dengan isu alat-alat ganti. Namun demikian, Yang Berbahgia bekas Panglima Tentera Udara telah menyatakan bahawa ucapan beliau yang berkaitan dengan isu alat-alat ganti telah disalah ertikan dan beliau telah pun menafikannya dalam kenyataan akhbar pada 11hb. Ogos, 1996 melalui akhbar *New Straits Times* muka surat 7.



Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail agar Kementerian Pertahanan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan dalam usaha mencegah kemalangan pesawat-pesawat ATM, sukacita ditegaskan bahawa kementerian sentiasa peka kepada kualiti penyelenggaraan yang baik dan cekap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TUDM telah menyelenggarakan pesawat-pesawat yang sempurna serta memberikan penumpuan kepada peningkatan kepakaran dalam bidang teknikal di kalangan anggota-anggota. Begitu juga bagi juruterbang-juruterbang, latihan yang mereka telah diberi adalah seperti yang dikehendaki dan secukup-cukupnya. Sepertimana Yang Berhormat maklum, kedua-dua helikopter yang terlibat dalam nahas tempoh hari adalah di dalam penerbangan operasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerbangan operasi adalah berisiko tinggi. Walaupun usaha-usaha pengauditan operasi telah dipertingkatkan bagi menentukan tahap kecekapan juruterbang-juruterbang Angkatan Tentera Malaysia supaya sentiasa berada di tahap yang terbaik tetapi adalah mustahil semua aktiviti penerbangan diberhentikan keseluruhannya. Kementerian telah mengambil segala usaha dan langkah-langkah positif yang sewajarnya bagi mengurangkan kejadian kemalangan supaya kemalangan yang seumpamanya tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gesaan Yang Berhormat juga agar Kementerian Pertahanan membuat keputusan yang tegas berhubung penggunaan pesawat Nuri, sukalah saya memaklumkan bahawa kajian terperinci tentang penggunaan helikopter Nuri sedang dibuat oleh pihak TUDM. Beberapa faktor akan diambil kira seperti senggaraan, ataupun dengan izin, maintain ability, keperluan operasi semasa dan kedudukan kewangan dalam mempertimbangkan sebarang keputusan untuk memberhentikan perkhidmatan helikopter Nuri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail pula agar kerajaan membuat kajian dan penelitian mendalam untuk membeli helikopter dan kapal terbang agar ianya yang terbaik dan tidak menjejaskan kecekapan ATM. Sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan memang sentiasa membuat kajian dan penelitian mendalam terhadap perolehan setiap jenis kelengkapan dan peralatan. Pembelian aset baru berlandaskan aspek seperti mengemas kini aset yang telah usang, memodenkan Angkatan Tentera Malaysia, membangunkan keupayaan pertahanan demi keselamatan serantau secara kolektif dan membangunkan industri pertahanan negara. Sukacita saya menyentuh cadangan Yang Berhormat mengenai memberi latihan ketenteraan kepada pelajar-pelajar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan belum ada cadangan untuk memberi latihan ketenteraan dari peringkat awal persekolahan seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Singapura. Namun demikian, kerajaan telah mengadakan beberapa program untuk melahirkan pelajar ataupun rakyat yang berdisiplin serta meningkatkan rasa cintakan negara terutama di kalangan generasi muda. Di peringkat persekolahan, Kementerian Pertahanan turut terlibat secara langsung dalam program-program berpasukan dan berpakaian seragam yang dikelolakan oleh lain-lain agensi kerajaan seperti program pasukan kadet di sekolah-sekolah menengah yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian Belia dan Sukan juga ada menganjurkan program Pasukan Briged Muda untuk pelajar-pelajar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat cadangan Yang Berhormat untuk memasukkan latihan ketenteraan ke dalam kurikulum sekolah pula adalah baik kerana ianya boleh menanam semangat patriotik, taat setia, disiplin, patuh kepada peraturan, kewibawaan serta ketahanan mental dan fizikal di sanubari remaja sejak di bangku

sekolah lagi. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dikaji secara mendalam dan menyeluruh oleh kementerian yang berkenaan.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Hajah Ramlah binti Kasim pula, kementerian sentiasa peka akan kebajikan anggotanya dan kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan gaji, elaun, insentif dan kemudahan-kemudahan lain dari masa ke semasa bergantung kepada situasi ekonomi negara, contohnya, baru-baru ini kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar elaun kadet, elaun rekrut dan elaun Sabah dan Sarawak. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat agar alat-alat kelengkapan ATM seperti kapal terbang, helikopter, lori, kereta dan sebagainya dibuat penyenggaraan yang lebih sempurna, sukacita saya memaklumkan bahawa kementerian telah melaksanakan penyenggaraan yang sempurna terhadap semua peralatan tentera seperti yang disebutkan tadi. Kementerian juga telah melaksanakan dasar 'casting' bagi merancang penggantian peralatan dengan yang baru apabila didapati ianya tidak lagi boleh digunakan atau kos pembaikan dan penyenggaraannya terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja beberapa perkara yang telah pun dapat saya sentuh bersabit dengan teguran ataupun pandangan yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat sempat sentuh semasa perbahasan Titah Ucapan DiRaja. Sekianlah sahaja ulasan yang dapat diberikan dan saya kira pandangan-pandangan Yang Berhormat itu adalah bernas belaka dan mana yang tidak sempat saya jawab pada ketika ini telah pun diambil nota oleh pegawai-pegawai di kementerian dan insya-Allah akan dibuat follow-up. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**6.11 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mewakili Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk menjawab beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat semasa membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian dan turut membincangkan beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbahasan menjunjung kasih ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya sukalah mengambil peluang ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh enam orang Ahli Yang Berhormat khususnya mengenai program-program pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ding Seling berharap masyarakat luar bandar tidak dilupa dan ditinggalkan dalam arus perdana pembangunan negara yang pesat berkembang. Beliau menyarankan agar diwujudkan satu perancangan yang teliti bagi mengelakkan perbezaan jurang pembangunan yang luas antara bandar dengan luar bandar. Harapan Yang Berhormat supaya masyarakat luar bandar tidak tercicir dalam arus perdana pembangunan negara merupakan agenda terpenting pembangunan di bawah kementerian ini. Sesungguhnya kerajaan sedar bahawa pembangunan negara yang berjalan dengan pesat sekarang ternyata dipacu oleh sektor bandar. Kerajaan sama sekali tidak mengabaikan pembangunan luar bandar sebaliknya kerajaan akan terus melaksanakan program-program pembangunan di kawasan luar bandar, bahkan di bawah falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar, pembangunan di kawasan berkenaan akan dipentingkan lagi ke arah mewujudkan luar bandar yang maju, menarik dan

menguntungkan. Ini akan memastikan kawasan dan penduduk luar bandar tidak tersisih daripada arus perdana pembangunan negara.

Kementerian sedar bahawa pembangunan pesat di bandar yang tidak seiring dengan kepesatan di luar bandar akan melebarkan lagi jurang perbezaan pendapatan penduduk antara di bandar dengan luar bandar. Oleh itu, kementerian telah mengambil langkah-langkah yang lebih terencana dan tersusun, termasuklah penggubalan strategi dan falsafah baru yang berteras kepada pembangunan manusia melalui 7 inisiatif utama. Tiga daripada inisiatif tersebut ialah untuk membangunkan penduduk luar bandar menjadi manusia yang cemerlang dan memberi empowerment kepada mereka supaya dapat menyertai secara aktif dalam membangunkan kawasan mereka. Ini dapat menjamin pembangunan yang lebih mapan.

Di bawah falsafah dan strategi baru, penekanan juga diberi kepada usaha untuk meningkatkan prasarana berkualiti. Untuk itu, kementerian pada masa ini dalam proses menyediakan pelan induk prasarana luar bandar. Tujuannya ialah supaya kementerian mempunyai senarai induk keperluan pembinaan infrastruktur utama yang terdiri daripada projek-projek jalan luar bandar dan jalan kampung, bekalan air, bekalan elektrik dan kemudahan telekomunikasi untuk dijadikan asas perancangan bagi tempoh-tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan akan datang. Bagi tujuan tersebut, semua ahli Parlimen Barisan Nasional terutamanya dan pegawai-pegawai daerah telah diminta mengemukakan maklumat-maklumat tentang keperluan program infrastruktur di kawasan masing-masing, termasuk akan keperluan prasarana asas.

Dalam usaha mengadakan sistem penyampaian yang berkesan, usaha-usaha sedang dibuat untuk memperkukuhkan jentera penyelarasan dan pelaksanaan pembangunan luar bandar. Antaranya, kementerian telah pun mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan

Pembangunan Luar Bandar antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas pembangunan luar bandar dan mewujudkan Jawatankuasa Kerja Pembasmian Kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Ting Check Sii telah menyuarkan keadaan di pedalaman Sarawak yang masih belum mempunyai kemudahan bekalan air paip, bekalan elektrik dan telefon. Beliau meminta kerajaan memberi perhatian di dalam perkara ini supaya masyarakat di Sarawak tidak diketepikan dalam pembangunan negara. Kerajaan sememangnya peka dengan kekurangan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air paip, elektrik, telefon di kawasan pedalaman Sarawak. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), kerajaan memperuntukkan RM67 juta untuk membiayai program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan RM160 juta untuk membiayai program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di bandar negeri Sarawak. Ini merupakan 13.4% dan 37.6% bagi keseluruhan peruntukan Bekalan Air Luar Bandar dan Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Bagi mempercepatkan liputan BELB (Bekalan Elektrik Luar Bandar) di kawasan-kawasan pedalaman yang jauh daripada talian grid, kerajaan telah melaksanakan projek bekalan elektrik melalui sistem alternatif seperti solar, mini hidro dan generator set.

Mengenai bekalan air pula, kerajaan sedang mengkaji dan menimbang kemungkinan melaksanakan sistem alternatif seperti tubeware dan sebagainya di kawasan-kawasan berkenaan.

Mengenai bekalan telefon luar bandar, kementerian sedang mengumpul maklumat dari beberapa sumber termasuk semua pejabat daerah bertujuan mengenal pasti terhadap kemudahan telefon yang sedia ada dan keperluan tambahan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Berdasarkan maklumat tersebut kelak, kerajaan akan merancang dan

mengambil langkah-langkah bagi mempercepat dan mempertingkatkan kemudahan telefon luar bandar melalui sistem talian atau sistem selular.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Haji Ismail menyentuh iaitu dalam usaha negara untuk membangunkan teknologi maklumat atau IT dan juga Koridor Raya Multimedia.....

**Datuk Rahim bin Baba:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Boleh, boleh, boleh. *[Ketawa]*

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya semasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mula menjawab tadi saya tidak ada di dalam Dewan. Jadi, bila saya dengar jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen saya naik keliru, adakah Yang Berhormat mewakili Jabatan Perdana Menteri atau telah pun bertukar ke kementerian lain?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, diberikan kebenaran menjawab bagi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**Datuk Rahim bin Baba:** Oh, bagi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Ya.

**Datuk Rahim bin Baba:** Oh, sorry. Tidak tukar kementerian lagi?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Belum lagi.

**Datuk Rahim bin Baba:** Okay.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Inilah tanggungjawab kerajaan *[Tepuk]* sebab kita berkongsi kuasa, jadi kita sentiasa tolong-

menolong dan Yang Berhormat Senator pun juga banyak menolong kerajaan. Saya percaya ini adalah kerjasama yang amat baik diberikan oleh semua Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya berdoalah Yang Berhormat cepat-cepat naik pangkat, insya-Allah. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdoa sama sebab untuk naik pangkat ini ia boleh belaka sama ada Yang Berhormat daripada ahli Parlimen ataupun daripada Senator. Jadi, saya berdoa semoga Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga dapat naik pangkat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Haji Ismail menyentuh iaitu dalam usaha negara untuk membangun teknologi maklumat (IT) dan juga Koridor Raya Multimedia, terdapat sesetengah sekolah di luar bandar yang tidak mempunyai bekalan elektrik yang mana keadaan ini akan membantutkan pembangunan IT negara.

Yang Berhormat Senator Haji Sairin Karno dan Yang Berhormat Senator Ding Seling juga menyentuh masalah ketiadaan bekalan elektrik di sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak. Kementerian sedang mengambil langkah supaya kemudahan-kemudahan prasarana asas seperti bekalan elektrik dan seumpamanya di kawasan pedalaman, terutama di Sarawak dan Sabah diberi perhatian supaya masyarakat keseluruhan terutama sekali para pelajar di kawasan luar bandar dapat bergerak sama dalam arus pertumbuhan dan perkembangan serta pembangunan IT. Kementerian dengan kerjasama Kementerian Pendidikan akan memberi tumpuan kepada projek-projek BELB di kampung-kampung yang mempunyai sekolah tetapi belum mendapat bekalan elektrik. Mengikut statistik,



terdapat 1,217 buah sekolah iaitu 156 buah di Semenanjung, 632 di Sarawak dan 429 di Sabah yang tidak mendapat bekalan elektrik. Dalam.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tidak sempat hendak mendengar jawapan Yang Berhormat tadi, BBLBkah atau PPLB? Apa makna penuhnya?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, BELB - Bekalan Elektrik Luar Bandar.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya sengaja biar mereka ada bertanya [*Ketawa*] sebab masa pun berjalan.

Dalam hubungan ini, bagi kawasan terpencil dan tidak dapat dihubungi melalui talian greg, bekalan elektrik melalui sistem alternatif seperti solar, generator set dan mini hidro akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Rahaiah Baهران pula menyentuh tentang kejayaan program KEMAS dan menyarankan pihak KEMAS akan lebih giat berusaha membangunkan masyarakat. Dengan tenaga kerja yang menyeluruh, KEMAS adalah berupaya menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkesan di dalam memerangi gejala sosial.

Suka saya menarik perhatian Yang Berhormat, sejajar dengan matlamat ke arah pembangunan manusia yang cemerlang dan pembangunan keluarga yang sejahtera, kementerian melalui agensi KEMAS telah melaksanakan program seperti kursus pendidikan keibubapaan kepada ibu bapa dan masyarakat untuk kecemerlangan anak-anak mereka. Di samping itu juga, diadakan kursus-kursus pendidikan kesejahteraan keluarga, kelas literasi komputer di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta di perkampungan Orang Asli. KEMAS juga melaksanakan aktiviti pembangunan manusia

seperti pelaksanaan bina insan, gotong-royong, penyediaan pusat sumber serta melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan prasekolah seperti pembinaan taska dan tabika. Program-program yang dilaksanakan oleh kementerian khususnya melalui agensi KEMAS ini menunjukkan bahawa kementerian tidak terlepas dari tanggungjawab menangani isu-isu gejala sosial, khususnya yang dialami oleh para remaja sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.....

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada minta laluan, Yang Berhormat Senator Kamalia.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Pihak kementerian telah menyatakan pelbagai program yang telah dijalankan oleh pihak KEMAS. Bolehkah pihak kementerian memberi penjelasan, jika ada, statistik program-program yang telah dilaksanakan dan bagaimanakah pihak kementerian dapat mengatakan bahawa program-program itu telah sebenarnya merupakan program-program yang menyeluruh dan mencapai matlamat seperti yang diperkatakan?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendakkan statistik program secara mendalam, ada. Kalau saya baca, sampai pagi besok pun tidak habis. *[Ketawa]* Jadi, saya akan beri secara bertulis. Saya harap pegawai di belakang dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar harap jawab apa yang dikehendaki. Tetapi hakikatnya, kesannya memang ada walaupun secara langsung atau tidak secara langsung, sebab kalau kita ada KEMAS, ada Tabika dan sebagainya, kadang-kadang anak kita itu pandai baca doa makan sedangkan emak ayah dia tidak tahu. Ini di antara kesan yang dapat kepada anak kita belajar di tabika yang dianjurkan oleh KEMAS.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Yang Berhormat jawab bagi pihak kementerian orang lain. Bila diminta statistik, tidak tahu, melalau. Jadi, itu saya hendak kata. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya kira siapa pun tidak boleh beri statistik. Kalau hendak katakan sekian haribulan, buatnya di sini, saya kata siapa pun kalau Datuk sendiri jadi menteri di sini, tidak boleh jawab cara macam itu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua.....

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang lagi.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apabila diberitahu bahawa begitu berkesan KEMAS ini, bolehkah dengan cara ikhlas Yang Berhormat katakan bahawa tahun depan kita boleh berikan peperiksaan dan mereka boleh sampai standard MS ISO 9000?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, proses ISO 9000 bukanlah satu perkara yang mudah, tetapi memang hasrat kita, kita mesti asaskannya dari bawah. Kalau sekiranya semua penduduk negara kita diberikan ilmu dari bawah, saya percaya satu masa lebih daripada ISO 9000 boleh kita capai. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ada apa-apa soalan lagi? *[Ketawa]*

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Kamilia.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang mungkin kementerian tidak dapat memberi statistik buat masa ini, tetapi pada hemat saya apabila dipersoalkan tentang kejayaan pihak KEMAS maka perlulah pihak kementerian sebenarnya dapat memberi kepada kami satu jawapan yang lebih tepat daripada satu

jawapan yang saya anggap sangat am sehingga kita dapat memastikan sebenarnya kecapaian apa yang dikatakan telah dilaksanakan.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, membangunkan manusia bukan menjawab sebagai matematik. Matematik, ya. Kalau soalnya, berapakah kalau  $2 + 2$ ? Saya terus akan jawab bahawa  $2 + 2$  adalah 4. Itu adalah jawapan matematik. Tetapi bila menjawab mengenai perkembangan manusia, ukurannya terlalu luas. Kadangkala kita buat program belum tentu kita agak program itu berkesan, tetapi setakat mana kita hendak mengukur orang menerima apa yang kita beri, belum tentu. Jadi, sukarlah kalau hendak mengatakan beri dengan secara statistik dan tahun berapa program yang dibuat dan apa kesan yang dibuat, memang saya sukarlah. Saya ingat itu perlu kita perbincangkan di luar Dewanlah, kalau boleh.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Masa cukup.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jam sudah 6.30 petang, mahu sambung lagi? Jawapan pun belum habis kan?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Belum habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan belum habis, kita sambung hari Isninlah.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tetapi kalau sambung pada hari Isnin, tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Pilihlah, kalau saya hendak jawab, saya jawab; kalau menteri ada, saya suruh menteri sambung. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang dan akan disambung semula pada hari Isnin, 26hb. Mei, 1997, jam 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**

